



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK ISMAIL BIN MUHAMAD
BEKAS PRAJURIT NEGARA**

OLEH:

| | |
|----------------------------------------|-------------------|
| NOOR AFIZAH BINTI MUHAMAD | 2012769031 |
| ZATI SYAZWANI BINTI SHAHARUDDIN | 2012132909 |

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK ISMAIL BIN MUHAMAD
BEKAS PRAJURIT NEGARA**

OLEH:

| | |
|----------------------------------------|-------------------|
| NOOR AFIZAH BINTI MUHAMAD | 2012769031 |
| ZATI SYAZWANI BINTI SHAHARUDDIN | 2012132909 |

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Ismail Bin Muhamad mengenai kerjaya beliau dalam bidang ketenteraan. Transkrip temubual ini dijalankan di Hospital Kuala Krai, Kelantan di mana tempat Encik Ismail dirawat kerana penyakit asma pada 17 April 2014 bermula jam 12.30 tengah hari. Beliau adalah salah seorang tentera yang berkhidmat di Angkatan Tentera Diraja Malaysia sebelum Negara Malaysia merdeka. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang dan juga kehidupan beliau di zaman penjajahan Jepun, British dan Komunis sebelum merdeka selain daripada mengenai bidang kerjaya beliau. Temubual ini lebih tertumpu kepada bidang kerjaya beliau sebagai seorang tentera, tempat-tempat yang telah beliau berkhidmat dan juga cabaran yang beliau lalui sepanjang berkhidmat sebagai seorang tentera. Selain itu beliau juga memberi sedikit pandangan mengenai perbezaan antara prestasi kerja zaman dahulu dan juga zaman sekarang.*

Kata kunci : *Pak cik, British, Jepun, Komunis, Tentera.*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

| | |
|----------------------------|-----|
| ABSTRAK | i |
| ISI KANDUNGAN..... | ii |
| BIODATA TOKOH..... | iii |
| PENGENALAN..... | iv |
| KAEDAH KAJIAN | ix |
| | |
| TRANSKRIP | |
| BAHAGIAN 1..... | 1 |
| BAHAGIAN 2..... | 17 |
| BAHAGIAN 3..... | 68 |
| BAHAGIAN 4..... | 74 |
| | |
| RUJUKAN | 75 |
| LAMPIRAN | |
| LOG WAWANCARA..... | 82 |
| SENARAI SOALAN | 92 |
| INDEKS | 97 |
| SURAT PENJANJIAN..... | 101 |

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



| | | | |
|-----------|-------------------|---|-----------------------------------------------------------------|
| 1. | Nama Penuh | : | En. Ismail Bin Muhamad |
| 2. | Kelahiran | : | Dilahirkan pada tahun 1938 |
| 3. | Jantina | : | Lelaki |
| 4. | Bangsa | : | Melayu |
| 5. | Agama | : | Islam |
| 6. | Pendidikan | : | Sekolah Kebangsaan Kuala Krai |
| 7. | Keluarga | : | Isteri – Che Rahmah Adik-beradik - 5 orang Anak - 5 orang |
| 8. | Kerjaya | : | Pesara Tentera |

PENGENALAN

PENGENALAN

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merupakan benteng pertahanan negara yang bertanggungjawab untuk memastikan Malaysia terhindar daripada segala ancaman luaran samada daripada daratan, lautan dan udara manakala membantu pihak berkuasa awam di dalam menangani ancaman dalaman negara. Bagi menentukan tanggungjawab tersebut sentiasa terjamin terutamanya daripada ancaman daratan, maka Tentera Darat Malaysia (TDM) atau lebih sinonim dengan nama Tentera Darat (TD) sahaja sebagai salah satu cabang di dalam ATM perlu sentiasa berada dalam keadaan siap sedia sepanjang masa. TD yang berpegang kepada moto “Tentera Darat Teras Utama Kedaulatan Negara” akan terus memastikan keselamatan dan keamanan negara terjamin khususnya bagi menentukan kelangsungan politik, ekonomi dan sosial negara untuk membawa Malaysia ke arah negara maju dan aman. Oleh itu sebagai sebuah organisasi yang telah wujud sejak 81 tahun (1933 - 2014) yang lalu, TD telah melalui pelbagai pembangunan baik dari segi pembangunan manusia, struktur organisasi malah dari segi peralatan dan kelengkapan pertahanan bersesuaian dengan konsep yang telah digariskan. TD sentiasa peka dengan arus pembangunan dari segi peralatan dan teknologi semasa, lantaran itu pembangunan TD tidak dapat dan tidak perlu seiring dengan kemajuan teknologi semasa.

Bagi menjamin keupayaan TD berterusan adalah penting ianya dilengkapi dengan pelbagai peralatan dan kelengkapan operasi secukupnya serta menentukan ianya boleh digunakan setiap masa. Dalam hal ini perkembangan TD menjelang 2020 telah dirancang dan dirumuskan dalam Pelan Rancangan Tentera Darat 2 10 *Plus* 10 oleh kepimpinan TD khususnya untuk mengwujudkan satu angkatan pertahanan darat yang kebolehan dan berkeupayaan tinggi untuk menentang sebarang kemungkinan khususnya ancaman luaran. TD kini sedang dalam proses transformasi ke arah pemodenan yang bukan sahaja dalam aspek konsep operasi dan perang malah merangkumi pelbagai aspek teknologi pertahanan dan integrasi teknologi

dengan manusia. Transformasi ini difikirkan perlu dilaksanakan dengan tersusun, seimbang, konsisten dan berkesinambungan. TD kini sedang giat merancang untuk mengganti dan menambahkan aset kapital bagi menyesuaikan organisasi yang sedia ada agar TD akan terus relevan dan disegani lawan.

Dalam merancang untuk menambahkan aset TD, secara langsungnya akan berkait rapat dengan sokongan dan bantuan logistik. Dalam konteks militeri, umumnya logistik merupakan fungsi memberi bantuan material dan perkhidmatan yang diperlukan olehnya samada di waktu perang ataupun aman. Objektif militeri dengan itu adalah untuk menggunakan keperluan tersebut dengan memendekkan jurang perhubungan bagi menentukan bantuan yang diperlukan akan terjamin untuknya melunaskan tugas-tugas operasi dan pentadbiran. Dalam konteks untuk memperolehi aset yang merangkumi bantuan material dan bagi menentukan kesiapsiagaan serta peranan TD, ianya berkait dengan keberkesaan sistem perolehan yang diamalkan oleh Malaysia amnya dan TD khususnya.

Dengan kemajuan teknologi yang berkembang pantas, disamping keunikian organisasi TD yang dibentuk lengkap dan berkemampuan beroperasi sendiri sudah tentunya mempunyai rejimen dan kor yang menyokong dengan pelbagai fungsinya. Setiap rejimen dan kor mempunyai peranan dan tanggungjawab yang berbeza di dalam menentukan sokongan terhadap fungsi dan operasi keseluruhan TD. TD yang mempunyai kekuatan keseluruhan hampir 80,000 keanggotaan mempunyai pelbagai aset kelengkapan termasuk persenjataan, peralatan komunikasi, kenderaan, keperluan pejabat dan kelengkapan setiap individu yang perlu diberikan penekanan di dalam menyelengara bagi menentukan tahap boleh guna dan menjamin kelancaran fungsinya. TD memerlukan semua peralatan, aset dan kelengkapannya diselenggarakan dengan sempurna dan teratur bagi memastikan ianya akan terus dapat berfungsi dengan berkesan pada sebilang masa.

Perolehan kerajaan adalah salah satu cabang penting di dalam pengurusan kewangan yang tidak dapat dipisahkan di dalam tugas dan tanggungjawab Kor Ordnans Diraja (KOD), salah satu daripada 16 kor yang membantu fungsi dan

peranan TD. Ia penting kerana bukan sahaja melibatkan bagaimana perbelanjaan itu dirancang, diurus dan dikawal tetapi juga adalah untuk menentukan matlamat pembangunan TD dapat dicapai. Di antara peranan utama KOD adalah bertanggungjawab untuk memperolehi dan mengeluarkan material yang diperlukan oleh TD melalui sistem perolehan.

Selain daripada menguruskan perolehan TD, KOD juga bertanggungjawab untuk menguruskan perbelanjaan TD, perakaunan inventori dan pengstoran terhadap material serta bantuan Ordnans kepada pasukan-pasukan TD baik semasa aman maupun perang. Dalam kontek militeri, material adalah merujuk kepada jenis-jenis stor dalam pegangan inventori TD, namun demikian dalam kontek penggunaan umum, ianya merujuk kepada perkataan material. Dalam ATM amnya dan TD khususnya terdapat 6 jenis stor/material. Stor-stor adalah seperti berikut, kategori pertama, alat ganti kenderaan bermotor (AGKB) termasuk alat ganti bagi kenderaan pentadbiran dan kenderaan tempur. Kedua , pakaian yang melibatkan peralatan pakaian yang dipakai oleh anggota daripada pakaian kepala hingga ke kaki termasuk aksesori pakaian seperti Lencana Pangkat dan sebagainya. Ketiga, teknikal stor, iaitu peralatan dan alat ganti persenjataan serta peralatan perhubungan. Keempat, stor am melibatkan pelbagai barang dan peralatan termasuk stor pertahanan. Kelima, alat tulis termasuk peralatan untuk kegunaan pejabat, borang dan publikasi. Kategori keenam adalah perabot yang merangkumi peralatan perabot bagi keperluan penginapan anggota, Wisma, Rumah Keluarga dan kemudahan perabot pejabat. Keenam-enam komoditi material ini diperlukan oleh pasukan-pasukan TD bagi menentukan kesiapsiagaan pasukan dan permohonanya berpandukan kepada sukatan tertentu yang telah ditetapkan oleh TD ataupun ATM.

Keenam-enam elemen material di atas adalah menjadi tanggungjawab utama KOD untuk menguruskan perolehan, merancang perbelanjaan dan memohon peruntukan, menerima, menyimpan dan menyelenggara semasa dalam simpanan serta mengeluarkan kepada pasukan pengguna TD. Material ini adalah keperluan asas kepada TD baik semasa aman maupun waktu perang dan ianya akan menjuruskan

kepada taraf kesiapsiagaan keseluruhan TD. Secara umumnya proses perolehan oleh KOD bagi memperolehi material di atas adalah secara pembelian atau perolehan melalui kontrak yang diujudkan oleh pihak Kementerian Kewangan ataupun Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) sendiri ataupun samada melalui amalan perolehan semasa. Perlaksanaan perolehan adalah berpandukan kepada sistem dan dasar perolehan yang telah ditentukan dalam Arahan Perbendaharaan (AP), Pekeliling Perbendaharaan (PP), Surat Pekeliling Perbendaharaan, Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT), Perintah Angkatan Tentera Malaysia (PATM) dan arahan-arahan semasa yang dikeluarkan.

Dalam membincangkan tentang kesiapsiagaan TD ianya secara langsung akan berkait rapat dengan kesiapsiagaan material iaitu sejauh manakah kemampuan bantuan serta ulang bekal yang dapat diberikan bagi menentukan misi dan objektif TD tercapai. Namun demikian kesiapsiagaan material tersebut adalah bergantung sepenuhnya kepada amalan perolehan yang dilakukan oleh pihak KEMENTAH amnya dan TD khususnya. Ini kerana selain daripada sistem perolehan yang diamalkan sekarang yang terpaksa melalui beberapa proses tertentu disamping itu juga halangan lain yang membuatkan material yang diperlukan tidak diperolehi pada masa yang dikehendaki dan ini akan mempengaruhi kesiapsiagaan TD secara keseluruhannya.

Tugas dan tanggungjawab TD telah dibentuk sebegini rupa dan agar bersesuaian dengan motonya iaitu “Tentera Darat Teras Utama Kedaulatan Negara” di mana ianya dapat berfungsi secara *self-contained* dan *self supporting* bagi membolehkanya misi dan objektif yang diberikan tercapai. Oleh yang demikian TD perlu dilengkapi dengan pelbagai peralatan, kenderaan, stor dan personil (yang dirujuk kepada keperluan material) untuk mencapai sesuatu misi yang diberikan. Namun demikian, apa yang diperbincangkan secara umumnya dewasa ini adalah pegangan material adalah berkurangan berbanding dengan perjawatan dan sekaligus telah menimbulkan permasalahan untuk menguruskan sumber yang terhad ini dengan efisen dan efektif.

Daripada seminar-seminar dan maklum balas pasukan, sering kedengaran rungutan berkaitan dengan kerumitan pasukan untuk menentukan keberkesanan dalam memastikan kesiapsiagaan material di pasukan. Dengan lain perkataan, pasukan terpaksa melalui proses yang membebankan dalam pengurusan material kerana permohonan tidak memenuhi keperluan. Berdasarkan kepada kenyataan ini, timbul persoalan kenakah fenomena ini berlaku dan hasil daripada temubual dengan staf-staf pengendali dan pasukan yang terlibat dengan pengurusan material dipasukan, sebahagian besar menyatakan kerumitan perolehan material daripada pasukan KOD tidak dapat dipenuhi mengikut masa dan kuantiti sebagaimana yang dikehendaki.

Selain daripada amalan perolehan dan peruntukan kewangan, pegangan inventori yang besar serta sistem bantuan Ordnans yang diamalkan oleh pasukan-pasukan KOD juga memainkan peranan penting bagi menetukan keperluan material kepada pasukan TD. Ini kerana KOD adalah agensi utama yang menguruskan segala perolehan bagi keperluan TD. Dalam konteks bantuan Ordnans, adalah merujuk kepada keupayaan pasukan KOD di dalam membekalkan keperluan material kepada pasukan-pasukan TD berdasarkan kepada permohonan yang dimajukan. Pasukan perlu mematuhi peraturan tertentu yang ditetapkan oleh TD atau KEMENTAH untuk mendapatkan sesuatu keperluan material.

Merujuk kepada persoalan amalan perolehan yang diamalkan oleh TD dan kesan kepada kesiapsiagaan material akan dilihat kepada amalan perolehan sekarang benar-benar memberi kesan kepada kesiapsiagaan material dan sekaligus akan menentukan kesiapsiagaan TD secara keseluruhannya. Oleh yang demikian faktor seperti sistem perolehan, peruntukan kewangan, pegangan inventori dan sistem bantuan Ordnans dilihat antara faktor menjuruskan kepada kesiapsiagaan material. Kertas kajian ini akan membincangkan apakah faktor-faktor ini benar-benar mempengaruhi amalan perolehan sekarang serta apakah ianya memberi kesan kepada kesiapsiagaan material. Dalam membuat kajian ini, semua polisi, peraturan-peraturan semasa dan peruntukan kewangan yang diterima akan dijadikan panduan

KAEDAH KAJIAN

Bagi menjayakan penulisan ini, bahan-bahan untuk penulisannya didapati dalam tiga cara iaitu :

a) Pengumpulan Data

Penulis mencuba sedaya upaya mengumpulkan data-data sebanyak mungkin untuk sesi interview dan untuk dimasukkan ke dalam penulisan, yang mana dirasakan perlu dan ada kaitan dengan kajian ini. Dalam mengumpulkan data dan bahan-bahan kajian, penulis ada membuat kajian tentang latar belakang tokoh dan kajian tentang latar masa tokoh di tugaskan sebagai seorang tentera. Maklumat di peroleh daripada article sejarah Malaysia dan juga termasuk bertanya dengan orang-orang sekeliling

b) Kajian Luar



Gambar 1 Gambar Tokoh Sewaktu di Temubual

Penulis membuat kajian luar dengan menggunakan dua cara iaitu melalui temubual dan pemerhatian. Kaedah ini amat penting untuk penulis kerana melalui temubual, penulis dapat memperoleh maklumat tentang pengalaman peribadi tokoh semasa bertugas yang tidak terdapat di mana-mana terbitan sejarah. Penulis juga dapat mengesahkan fakta dan maklumat yg dikumpul melalui medium lain kepada tokoh.

c) Perakam Suara



Gambar 2 Perakam Suara

Penulis menggunakan perakam suara melalui telefon bimbit untuk merakam temuramah bersama tokoh tentera iaitu En. Ismail b. Muhamad supaya suara beliau boleh didengar dengan jelas bagi melancarkan lagi proses penulisan kajian dan untuk memastikan penulis tidak tertinggal mana-mana isi temuramah.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang Encik Ismail Bin Muhamad iaitu bekas prajurit negara yang bertugas pada zaman penjajahan .Wawancara ini dijalankan di Hospital Besar Kuala Krai. Sesi wawancara bersama Encik Ismail Bin Muhamad ini telah di adakan pada 17 April, 2014 pada pukul 12.30 tengah hari. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Encik Ismail Bin Muhamad dan pengalaman beliau semasa bertugas sebagai seorang tentera sewaktu zaman penjajahan Komunis dan British.Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

EI: Encik Ismail
ZS: Zati Syazwani

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

ZS : Saya *nak* [hendak] buat pengenalan *dulu deh* [dahulu ya].
Assalamualaikum, nama saya *ni* [ini] Zati Syazwani binti Shaharuddin. Saya belajar di UiTM Machang dalam krusus Pengurusan Maklumat. Saya *nak* [hendak] temu ramah pak cik *ni* [ini] sebab *nak* [hendak] tahu, *nak* [hendak] buat pasal pengdokumentasian lisan. Pasal latar belakang pak cik, pasal pengalaman pak cik masa zaman penjajah *dulu* [dahulu] lah, pasal pencapaian pak cik. Jadi, saya *nak* [hendak] mula lah. Mula-mula saya *nak* [hendak] tanya pasal latar belakang pak cik lah. Nama penuh pak cik?

EI : Nama saya Ismail bin Muhamad. Saya dilahirkan pada tahun seribu sembilan ratus tiga puluh lapan [1938]. Jadi sebelum kedatangan Jepun lah. Tahun tiga puluh lapan [380], lepas tu [itu], masa kedatangan Jepun tu [itu] pak cik berumur masa tu [itu] dekat lima tahun ke enam tahun lah. Ni [ini] berertinya pak cik dah [sudah] kenal Jepun lah. Masa budak tu [itu] lah kan. Cara Jepun, rupa Jepun, cara dia punya dia punya kanak-kanak kan. Dah tu [sudah] dia mula-mula perang Jepun tu [itu] (bunyi telefon) dia serangan dia tiga tiga penjuru. Daripada Singapore [Singapura] daripada belah Utara dan belah Timur. Di sebelah pantai timur ni [ini] termasuk dekat Tumpat kita lah, Tumpat, Pengkalan Chepa, Sabak semua tu [itu] pada tahun empat puluh satu [41]. Pada tahun empat puluh satu [41] masa tu [itu] British dah [sudah] ada.

ZS : **Masa tu [itu] Jepun lagi?**

EI : Masa tu [itu] belum, sebelumnya diperintah oleh Jepun, British *dulu mai* [dahulu datang] dekat Malaya kita ni [ini]. Pada tahun, British masa mula-mula sampai sini pada tahun tiga puluh [30]-an lebih kurang tiga puluh [30]-an atau dua puluh lapan [28] gitu [begitu] lah. Seribu sembilan ratus dua puluh lapan [1928] ke seribu sembilan ratus tiga puluh [1930], British dah [sudah] ada di sini dah. Pasal pada tahun empat puluh satu [41] Jepun *nak* [hendak] hambat orang putih kan. Dia

mari serang Malaysia kita. Semasa *tu* [itu] nama Tanah Melayu kita *ni* [ini] Persekutuan Tanah Melayu *deh* [ya] Malaya dia panggil. Bukannya nama Malaysia, Malaya. Faham *dah* [sudah]?

ZS : Sebelum pak cik cerita pasal *tu dok* [itu ya], *nak* [hendak] tanya **lah, pak cik dilahirkan di mana?**

EI : Pak cik dilahirkan di Kampung Ketereh, Kota Bharu. Asal situ lah.

ZS : Dalam keluarga pak cik *tu* [itu], orang panggil pak cik *tu gapo* [itu apa]?

EI : Kalau sekarang *ni* [ini] orang panggil Pok We lah.

ZS : **Kawan-kawan pun panggil Pok We juga?**

EI : Kawan-kawan pun panggil Pok We juga lah. Semua Pok We *belako* [semua] lah. Budak-budak ke.

ZS : **Sedara-sedara [saudara-mara] pun?**

EI : *Saing* (kawan) ke apa ke semua Pok We lah. *Belako* [semua] lah.

ZS : Sekarang *ni* [ini] pak cik umur berapa?

EI : Sekarang *ni* [ini] pak cik umur *tujuh puluh enam* [76] tahun.

ZS : Sekarang *ni* [ini] pak cik tinggal di mana?

EI : Sekarang *ni* [ini] pak cik tinggal di Guchil. Di Kampung Guchil.

ZS : Tinggal dengan siapa?

EI : Tinggal dengan dengan mak cik lah. Lepas *tu* [itu], ada anak pak cik seorang tinggal bersama dengan pak cik. Jadi duduk *tiga* [3] beranak lah *empat* [4] lah beranak dengan menantu seorang.

ZS : Sebelum duduk Guchil *ni* [ini] ada duduk mana lagi?

EI : Sebelum duduk Guchil *Enam* [6] ini, pak cik mari sini pada tahun *empat puluh lapan* [48], masih tahun Komunis lagi sini. Belum jadi Kampung Baru *tu* [itu] lagi. Tahun *empat puluh lapan* [48], masa Komunis darurat, tengah darurat *dulu* [dahulu] pak cik mari sini. Pada tahun *lima puluh lima* [55] dia buat Kampung Baru Guchil. Lepas *tu* [itu], habis entah macam mana tahun *empat puluh lima* [45] tamat, tamat *tu* [itu] dia bom balik oleh oleh di British kan, dia pun tamat

tahun *empat puluh lima* [45]. Habis diambil British balik.

ZS : **Ibu bapa pak cik ada lagi?**

EI : *Tak* [tidak] *dah* [sudah]. Meninggal *dah* [sudah].

ZS : **Nama ayah pak cik apa?**

EI : Nama ayah pak cik Muhamad lah.

ZS : **Muhamad. Nama ibu?**

EI : Nama ibu Che Rahmah.

ZS : **[berdehem] Ibu bapa- - -**

EI : Nama ibu *ni* [ini], ibu Pak Mail? Nik som.

ZS : **Dia, mak ayah asal mana?**

EI : Ketereh jugak lah.

ZS : *Dulu [dahulu] dia buat gapo [apa] ya?*

EI : *Dulu [dahulu] dia buat kerja kampung lah. Masuk estet *noreh* [menorah] getah apa dia lah.*

ZS : *Noreh [menorah] getah. Ada ladang getah lah?*

EI : *Nuh [sana] estet lah estet. Dalam estet. Macam kalau kita sebelah *ni* [ini] kelapa sawit lah. *Dulu* [dahulu] getah banyak. Dalam Malaysia kita *ni* [ini], Malaya kita.*

ZS : **Pak cik adik-beradik berapa orang?**

EI : Adik-beradik pak cik *lima* [5] orang.

ZS : **Lelaki berapa orang?**

EI : Lelaki *empat* [4] perempuan *satu* [1].

ZS : **Perempuan satu. Pak cik nombor berapa?**

EI : Pak cik yang *kedua* [ke-2].

ZS : Macam boleh *dak* [tidak] macam pak cik kata pak cik masa Jepun sampai *tu* [itu] pak cik duk [baru] umur *lima* [5] tahun *dok* [kan]?

Pak cik ingat *dok* [tidak] macam mana kehidupan pak cik masa *tu* [itu]?

EI : Masa budak-budak lah kita masih budak-budak lah kan, jadi kita rupa Jepun kenal lah. Cara Jepun buat kurung kita *ni gini-gini* [ini begini-begini], macam-macam *ni* [ini] bawah perintah dia *tu* [itu], pak cik boleh ingat lah (bunyi telefon).

ZS : Pak cik pernah tengok dia ada buat *guano* [bagaimana] ke? (bunyi telefon)

EI : Kuat dia. Kuat betul. Kuat orang askar Jepun *dulu* [dahulu] (bunyi telefon).

ZS : Kalau contoh-contoh (bunyi telefon) *lagu* [macam] mana dia buat?

EI : Dia kalau *tak* [tidak] betul dia *tak* [tidak] ikut *tak* [tidak] ikut hukuman dia kan, kalau kem-kem dia di tepi jalan tu [itu] kan, kalau kita *tak* [tidak] turun *tak* [tidak] turun *tak* [tidak] turun dia, kita hormatkan dia, *tu* [itu] dia dia pukul lah. Tiap-tiap orang kalau kita naik bas kan, sampai dekat kem dia, semua orang dalam bas *tu* [itu] kena turun.

Turun hormat ke dia *dulu* [dahulu]. (Ketawa). Hormat dekat tentera Jepun *dulu* [dahulu]. Lepas *tu* [itu] dia orang apa *tu* [itu] hormat kan, naik bas balik baru boleh jalan balik (ketawa). Semua kenderaan macam *tu* [itu] belako [semua]. *Tu* [itu] dia tentera Jepun dia (ketawa).

ZS : Macam masa kecilkan kita suka main-main semua *tu* [itu], pak cik *guano* [bagaimana] boleh ke kita main-main?

EI : Tak [tidak] boleh lah main-main. **Tak** [tidak] boleh lah main dengan dia. Kita tengok-tengok dari jauh *je* [sahaja] lah. Orang takut semua. Semua orang takut dengan Jepun.

ZS : Kalau macam *dulu* [dahulu] pak cik sekolah?

EI : Pak cik sekolah pak cik sekolah di Kuala Krai *ni* [ini] lah. Sekolah Kebangsaan Kuala Krai. Ada dekat Kuala Krai tepi jalan.

ZS : Sekolah SYP 1 (Sultan Yahya Petra 1) *tu* [itu] ke?

EI : Haa sekolah dekat SYP 1 (Sultan Yahya Petra 1) *tu* [itu]. Sekolah Melayu dipanggil masa *tu* [itu]. Dekat sekolah situ lah pak cik waktu *tu* [itu]. Tahun *lima puluh* [50], tahun *empat puluh sembilan* [49]. Pak cik

masuk waktu *tu* [itu] tahun *empat puluh sembilan* [49].

ZS : Lepas *tu* [itu]? Lepas sekolah situ?

EI : Lepas sekolah situ, pak cik tamat tahun kelas *enam* [6] tahun *lima puluh lima* [55], duduk setahun lah di kampung, *tak* [tidak] kerja lah. Lepas *tu* [itu] tahun *lima puluh enam* [56], pak cik pergi kerja dekat Taiping, Perak. Dekat belakang *tu* [itu]. Lepas ke Perak *tu* [itu], duduk setahun dekat Perak *tu* [itu], tahun *lima puluh tujuh* [57] bulan *empat* [4] waktu *tu* [itu] pak cik minta tentera. Pak cik minta tentera dekat Taiping lah waktu *tu* [itu].

ZS : Masa sekolah *dulu tu* [dahulu itu] dia *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] semua *takda* [tiada] lagi *dok* [kan]?

EI : *Takda* [tiada] lah.

ZS : Macam kalau pengalaman manis lah pak cik masa sekolah *tu* [itu] ada tak? Macam contoh-contoh dia?

EI : Ada lah. Dari sekolah zaman dulu cara, cara sekolah lain lah dengan sekarang *ni* [ini]. Pasal orang *tak* [tidak] banyakkan. *Dulu* [dahulu] sekolah dia seorang *je* [sahaja] pakai cikgu. Bahasa melayu cikgu *tu*

[itu] lah, ilmu hisab cikgu *tu* [itu] lah. Jadi bermakna dalam satu hari *lapan* [8] jam kita tengok muka cikgu *tu* [itu] *je* [sahaja] lah lain *takda* [tiada] cikgu. (ketawa)

ZS : **Habis *tu* [itu] pelajar berapa orang *tu* [itu]?**

EI : Pelajar dalam *satu* [1] kelas *tu* [itu] dalam *dua puluh* [20] orang lebih. *Tu je* [itu sahaja] lah. *Tak* [tidak] banyak lah. *Itu je* [itu sahaja] lah. Kalau masuk *lapan* [8] pagi cikgu *tu je* [itu sahaja] lah *takda* [tiada] cikgu lain dah (ketawa). Sekarang cikgu ramai *dah* [sudah] kan. Tukar-tukar. Kalau cikgu *dulu* [dahulu] cikgu *tu je* [itu sahaja] lah. *Tak* [tidak] tukar-tukar dah.

ZS : **Lepas sekolah *tu* [itu] pak cik kerja lah?**

EI : Kerja lah. Tahun *lima puluh tujuh* [57] lah pak cik kerja *dah* [sudah] lah.

ZS : **Tahun *lima puluh tujuh* [57]. Cita-cita sebenar *nak* [hendak] jadi *gapo* *tu* [apa itu]?**

EI : Macam [ketawa] macam dalam masa sekolah lagi pak cik minat tentera. Pak cik memang *nak* [hendak] kan tentera lah. Kalau tengok

tentera *tu* [itu] kan beri semangat pak cik lain lah. *Tu* [itu] lah.

ZS : Pak cik masuk tentera *tu* [itu] sebab minat lah?

EI : Sebab minat lah. Pak cik minat lah. Pak cik minat lah. Minat guru ke minat *gapo* [apa] ke pak cik *tak* [tidak] minat. Tentera *saja* [sahaja].

ZS : Lepas *tu* [itu], pak cik pergi tugas di Taiping *dok* [kan]?

EI : Dekat Taiping *tu* [itu] mintak dekat Taiping lah tentera *ni* [ini]. Pada tahun *lima puluh tujuh* [57] *tu* [itu]. Lepas *tu* [itu], dia bawa pergi hantar ke Port Dickson lah. Buat latihan selama *enam* [6] bulan sana. Asas latihan latihan tentera darat.

ZS : Masa pak cik masuk tentera *tu* [itu] pak cik dah kahwin ke *dok* [tidak]?

EI : Belum lagi lah. *Tak* [tidak] kahwin lagi.

ZS : Kahwin *tu* [itu] bila?

EI : Pak cik kahwin pada *seribu sembilan ratus enam puluh* [1960]. *Seribu*

sembilan ratus enam puluh [1960].

ZS : Pak cik cari sendiri ke pilihan keluarga?

EI : Masa *tu* [itu] pilihan keluarga lah (ketawa). Pak cik dengan mak cik *tu* [itu] kan kenal *tak* [tidak] kenal, kenal atas pelamin *saja* [sahaja] (ketawa).

ZS : Memang pak cik *tak* [tidak] pernah jumpa lah dia?

EI : *Tak* [tidak] pernah jumpa. Kenal-kenal masa *nak* [hendak] bersanding atas pelamin [ketawa]. Kata, macam *ni* [ini] rupa bini aku (ketawa). *Dulu takda* [dahulu tiada] adat *dulu* [dahulu]. *Tak* [tidak] macam sekarang *ni* [ini] (ketawa). Sungguh *tu* [itu]. *Nak* [hendak] cerita (ketawa).

ZS : Nama isteri pak cik tadi gapo [apa]?

EI : Nama isteri pak cik ya? Che Rahmah. Dia ada dua nama. Bubuh satu je [sahaja] lah. Che Rahmah saja [sahaja] lah. Dia, ayah dia bangsa Cina lah. Cina. Keturunan Cina. Mak dia orang Melayu kita *ni* [ini] lah.

ZS : (Berdehem). Umur dia sekarang berapa ya?

EI : Umur dia *dah* [sudah] *tujuh puluh tujuh puluh satu* [71] *dah* [sudah] lah. *Tujuh puluh satu* [71]. Dia tengok, dia *beranak* [lahir] tahun *empat puluh dua* [42]. Lebih kurang lah.

ZS : Macam *guano family* [bagaimana keluarga] boleh pak cik *tu* [itu] apa jodoh kan dengan dia? Sedara ke kenal-kenal ke?

EI : Sebab pak cik memang *tak* [tidak] pernah kenal dia. *Tak* [tidak] pernah kenal ini semua. Mak pak cik ayah pak cik *kira* [rancang] lah dengan belah-belah dia lah. Mak dengan ayah pak cik buat-buat kiraan semua lah. Dia kira atas kedua ibu bapa pak cik lah. Jadi pak cik pun *tak* [tidak] menolak lah. Bab jodoh lah katakan.

ZS : Masa pak cik kahwin *tu* [itu] isteri pak cik *tu* [itu] kerja ke tidak?

EI : *Dak-dak* [tidak-tidak] Sampai sekarang lah *tak* [tidak] kerja (ketawa). Jadi suri rumah betul lah. Suri rumah tulen (ketawa).

ZS : Dia asal daripada mana?

EI : Dia asal dia kalau *tak* [tidak] silap pak cik daripada *ni* [ini] di Guchil *ni*

[ini] juga. Orang Kuala Krai juga. Guchil juga lah.

ZS : **Anak-anak pak cik berapa orang?**

EI : Anak pak cik *lima* [5] orang.

ZS : **Lima [5] orang. (Berdehem) Semua lelaki ke?**

EI : Lelakinya, lelaki dua perempuan tiga. Masih ada belaka lah sekarang *ni* [ini].

ZS : **Semua kahwin *dah* [sudah] lah?**

EI : Semua kahwin, *dah* [sudah] kerja belaka. Cuma seorang *je* [sahaja] lah yang tidak bekerja lah. Dia kerja *hok* [yang] seorang *tu* [itu] lah dia kerja dekat *ni* [ini] tempat apa *ni* [ini] pejabat pejabat koperasi. Koperasi Malaysia. Dia bertempat pejabat dia di Baling, Kedah.

ZS : **Semua kahwin *tu* [itu] kahwin orang sini ke?**

EI : Menantu pak cik *tu* [itu] dia semua bukan orang Malaysia (ketawa). Keturunan dia. *Hok dok* [yang selalu] mari petang *ni* [ini] apa *ni* [ini] Mulbari, peranakan India. Lepas *tu* [itu] ada dekat rumah sekali dengan

pakcik *tu* [itu] Pakistan. Lepas *tu hok* [itu yang] duduk dekat Kluang, Johor *tu* [itu] keturunan Arab Yaman. Lepas *tu* [itu], anak sulung pak cik yang duduk di Tanah Merah *tu* [itu] *ni* [ini] Cina lah. Cina masuk Islam. Cina masuk Islam. Lepas tu, ada seorang duduk Baling *tu* [itu] kan, *tak* [tidak] kahwin lah. Dia *lima puluh lima puluh* [50-50]. Perempuan pun tidak lelaki pun tidak (ketawa). Faham *dak* [tidak]?

ZS : **Faham (ketawa). Ada *tak* [tidak] macam anak-anak pak cik yang ikut jejak pak cik jadi tentera?**

EI : *Takda* [tiada]. Cuma menantu *tu je* [itu sahaja] lah seorang. Menantu seorang duduk Kluang dia tentera lah sekarang *ni* [ini]. *Tu je* [itu sahaja] lah.

ZS : **Macam dalam tentera ni *hok* [yang], pak cik kata pak cik minat tentera. *Hok* [yang] siapa-siapa yang pak cik minat dalam tentera *tu* [itu] macam *hok* [yang] pak cik tengok dia, idola lah pakcik. Macam pak cik nak contohi dia, *nak* [hendak] jadi macam dia *gitu* [begitu], ada *tak* [tidak]?**

EI : Ada. Memang kita ada lah *tapi* [tetapi] kita tidak tercapai lah. Sebab kita punya pelajaran kita rendahkan. Haa macam pegawai *gitu* [begitu] kita *nak* [hendak] pergi *tu* [itu] kan *tak* [tidak] boleh lah. Kita tidak,

pak cik tidak pergi ke aliran Inggeris kan.

ZS : Macam matlamat pak cik masuk tentera *tu* [itu] sebab apa *tu* [itu]?

EI : Matlamat pak cik masuk tentera *ni nak* [ini hendak] kata cuma matlamat *nak* [hendak] bekerja *je* [sahaja] lah. *Nak* [hendak] cari rezeki *tu je* [itu sahaja] lah. Haa *nak* [hendak] cari rezeki sebab masa perang *takda* [tiada], kita lain lah. Kadang-kadang masuk tentera *tak* [tidak] berperang pun ada. Jadi kira-kira *gitu* [begitu] macam *tu je* [itu sahja] lah. *Nak* [hendak] bekerja *je* [sahaja] lah.

ZS : Selama pak cik bekerja *tu* [itu] lah *dok* [kan], prinsip yang pak cik pegang *nak* [hendak] lawan orang semua *ni* [ini], prinsip pak cik *tu nak* [itu hendak] untuk kuat semangat *tu* [itu]?

EI : Kita punya ketegasan kita lah. Kalau macam orang lantik kita, kena jadi ketua kan, ketegasan kita *tu* [itu] mesti ada lah. Kepercayaan diri kita sendiri *tu* [itu] dengan pengalaman kita lah. *Tu je* [itu sahaja] lah.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: KERJAYA

ZS : Sekarang *nak [hendak]* masuk bahagian bidang macam bahagian pengalaman pak cik *ni deh* [ini lah]. Bagi pak cik maksud tentera *tu* [itu] sendiri *tu gapo* [itu apa] bagi pak cik? Macam tugas dia *gapo* [apa]?

EI : Tugas dia untuk menjaga keamanan macam penceroboh daripada musuh-musuh lain lah. Untuk menjaga keamanan lah keamanan negara kita. Takut diceroboh oleh musuh, tentera lain kan seperti komunis kita kata terpaksa kita kena *anu* [dialek Johor] lah *tu* [itu]. Penceroboh kita panggil *tu* [itu]. Komunis.

ZS : Tadi pak cik kata *guano* [bagaimana] pak cik boleh masuk tentera *ni* [ini]?

EI : Pergi kerja di Taiping lah. Dia dia masa *tu* [itu] ada *offer* [tawaran] lah ada buka. Dia setahun ke kadang-kadang ada dua kali *ambil* [ambil] orang baru kan. Dia ada buat iklan lah. Sekian-sekian haribulan tentera askar melayu ada buka, siapa-siapa dikehendaki dengan kelulusan *gini-gini* [begini-begini]. *Dulu takda* [dahulu tiada] kelulusan pun *takpa* [tidak mengapa]. Tentera *dulu* [dahulu] tahun *lima puluh* [50]-an *dulu* [dahulu]. *Takda* [tiada] hal.

ZS : Lepas *tu* [itu], apa macam pak cik masuk *tu lagu* [itu macam] mana dia *ambil* [ambil] terus ke dia ada---

EI : Dia ada buat ujian lah. Ilmu hisab sikit lah, sebab dia *nak* [hendak] tengok kita punya *general knowledge* [pengetahuan am] lah. Boleh menulis ke tidak, boleh apa, boleh cakap ke tidak. Sikit-sikit dia *ambil* [ambil] lah. Lepas *tu* [itu], ujian kesihatan. Kita punya mata, telinga, kita punya badan cukup lah *complete* [lengkap] semua lah. Terutama sekali kesihatan lah *tapi* [tetapi] walau bagaimanapun kalau kita kena dalam *training takda* [latihan tiada] apa lah. *Takda* [tiada] hal. Cuma baru-baru *nak* [hendak] masuk dia *ni* [ini] dia buat pemeriksaan kesihatan.

ZS : Macam sebelum pak cik masuk tentera *tu* [itu] pak cik kerja *gapo* [apa]?

EI : Pak cik kerja macam-macam lah. Kuli lah (ketawa). Syarikat lah kadang-kadang. Macam-macam lah.

ZS : Macam masa pak cik *nak* [hendak] masuk tentera *tu dok* [itu kan], selain daripada minat ada *tak* [tidak] sebab-sebab lain? Sebab-sebab lain nak *join* [masuk] tentera *tu* [itu]?

EI : Eh takda [tidak] lah. Pak cik minat askar *tu* [itu]. Memang memang pak cik *nak* [hendak] masuk *tu* [itu].

ZS : Masa pak cik duduk Perak *tu* [itu] memang pak cik tunggu tawaran ke, ke tiba-tiba kebetulan ada tawaran ke *guano* [bagaimana]?

EI : Memang kebetulan ada tawaran *ni* [ini] lah. Kita punya cita-cita dah ada dah, kebetulan ada tawaran teruskan lah. Haa gitu [begitu]. Tidak kata mencari atau tidak lah. Dia kebetulan tawaran *tu* [itu] ada.

ZS : Memang apa pak cik masuk tentera ini pak cik puas hati lah. Pak cik *tak* [tidak] menyesal ke?

EI : Pak cik *tak* [tidak] menyesal. Okay [baik] lah, semua beres. Puas hati lah. Memang gembira lah. *Very happy* [sangat gembira] (ketawa).

ZS : Pak cik masuk tentera *tu* [itu] tahun bila?

EI : Tahun *lima puluh tujuh* [57].

ZS : Masa *tu* [itu] umur berapa?

- EI : Masa *tu* [itu] umur pak cik *lapan belas* [18].
- ZS : **Memang masa *tu* [itu] kalau apa umur *hok* [yang] layak masuk tentera *ni* [ini] berapa?**
- EI : Dia *lapan belas* [18] dua *puluh lima* [25]. Lebih dari *tu* [itu] dia *tak ambik* [tidak ambil] lah. *Lapan belas* [18] ke *dua puluh lima* [25] tahun.
- ZS : **Macam kalau masa pak cik *nak* [hendak] masuk tentera *tu dok* [itu kan], *family* *tu* [keluarga itu] ada *dok hok* [tidak yang] macam *tak* [tidak] bagi ke *hok* [yang] (orang bercakap) ada *tak* [tidak] bagi pak cik masuk tentera ke?**
- EI : Macam masa *tu* [itu] belum belum kahwin lagi masa *tu* [itu]. *Takda* [tiada] kata *gapo* [apa]. Dia sokong lah. Icut engkau lah nak pergi ke tidak (ketawa), *takpa* [tidak mengapa] lah. Jadi masa *tu* [itu] pak cik minat, pak cik minat tentera *ni* [ini] dia ada buat ke luar negeri ke apa. Pak cik minat situ *tu* [itu] lah. Suka *nak* [hendak] meninjau tempat-tempat orang. Masuk tahun *lima puluh tujuh* [57], pada tahun *enam puluh* [60] pak cik ke Afrika. Dia hantar pak cik ke Afrika berkhidmat di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu.

ZS : Macam masa sebelum sebelum boleh jadi tentera *tu dok* [itu kan], latihan-latihan dia ada ke?

EI : Haa ada lah. Latihan yang selama *Enam* [6] bulan *tu* [itu]. *Enam* [6] bulan dekat Port Dickson sana.

ZS : Latihan dia *lagu* [bagaimana] mana?

EI : Latihan dia teruk lah, dengan cara disiplin, dengan cara *exercise* [latihan] dengan cara semua sekali lah, *complete* [lengkap]. Pukul 6.30 duduk dekat tengah padang dah, pikul balak (ketawa), panjat panjat dinding panjat *anu* [dialek Johor] itu lah. Teruk. Pasal dia *nak* [hendak], pasal apa tentera *ni* [ini], dia *nak* [hendak] suruh kecergasan mesti betul-betul cergas. Dia *tak* [tidak] mahu lembab-lembabnya.

ZS : Macam kalau ada latihan *tu dok* [itu kan], *hok* [yang] ada *tak* [tidak] kena buang?

EI : Ada. Melawan melawan kena buang, *tak* [tidak] boleh lah.

ZS : *Hok* [yang] lemah-lemah *tu* [itu]?

EI : Lemah *takpa* [tidak mengapa]. Janji dia ikut hukuman. *Takpa* [tidak

mengapa]. Lemah pun *takpa* [tidak mengapa]. *Takda* [tiada] hal.

ZS : *Hok* [yang] memang ada lah yang kena buang?

EI : Ada. Kena buang ada. *Hok tak* [yang tidak] ikut perintah ke undang-undang, *tak* [tidak] dengar kata, buang lah (ketawa) *tak* [tidak] boleh simpan.

ZS : Tempat mula-mula pak cik ditugaskan dekat Afrika *tu* [itu] lah?

EI : *Dak* [tidak]. Habis mula habis pak cik, habis tahun *enam belas tahun lima puluh tujuh* [1657], pak cik kena hantar ke Tapah, Perak. Mula-mula kem Tapah. Masa *tu* [itu]. Masa *tu* [itu] British lagi *tu* [itu]. Bawah naungan British lagi kita masa *tu* [itu].

ZS : Masa *tu tak* [itu tidak] kahwin lagi lah?

EI : Haa *dak* [tidak] lah. Bujang *bletung* [dialek Kelantan] (ketawa). Bujang *bletung* [dialek Kelantan] (ketawa). Tengah *rugged* [lasak] lah masa *tu* [itu] hebat *tu* [itu] (ketawa).

ZS : Kem Tapah *tu* [itu] keadaan dia *tu* [itu] macam mana *tu* [itu]?

EI : Kem Tapah *tu* [itu] dia tidak macam sekarang lah. Dinding pun dinding atap *je* [sahaja]. Dia orang zaman *dulu* [dahulu] kan, buat *tak* [tidak] elok. Buat *gitu-gitu je* [begitu-begitu sahaja]. Cuma boleh duduk *je* [sahaja] lah. *Tapi* [tetapi] kem luas lah.

ZS : **Masa duduk sana *tu* [itu]?**

EI : Buat *training* [latihan] lah. Operasi. Operasi mencari komunis ke apa semua. Operasi macam-macam lah. Teluk Intan, Tapah, Bidor, Air Kuning merata di dalam dalam di Tapah *tu* [itu]. Di kawasan Tapah *tu* [itu].

ZS : **Hok [yang] dia macam pak cik pergi ke Bidor sehari *gitu* [begitu]?**

EI : *Gi* [pergi] kadang-kadang seminggu, *dua* [2] minggu. Tengok keadaan tempat *tu* [itu] lah.

ZS : **Dalam masa seminggu *tu* [itu] duduk mana?**

EI : Duduk dalam hutan lah. Buat berhemah. Berhemah dalam hutan lah. Masak, makan tidur dalam hutan.

ZS : Kalau dalam hutan tidur dalam khemah ke apa? Ke *guano* [bagaimana]?

EI : Ada khemah. Kita bawa lah. Buat atap semua.

ZS : Makan minum semua? Masak sendiri. Ada lah bekalan makanan?

EI : Masak sendiri lah. Bekalan dia bagi lah, *ration* [nisbah]. *Ration* [nisbah] nama kan. Untuk kita berapa hari kalau pergi seminggu dia kata, kita bawa lah untuk seminggu makanan kita. Dengan pakaian kita.

ZS : Memang kita tahu *dah* [sudah] lah nak pergi berapa lama sana *tu* [itu]?

EI : Memang dia ada beritahu lah (bunyi pintu). Kita akan pergi operasi seminggu. Kawasan mana, kawasan *ni* [ini] sekian sekian sekian. *Gitu* [begitu] lah (orang bercakap)

ZS : Apa macam (berdehem) lepas daripada pergi duduk Tapah *tu* [itu] pak cik duduk mana? (orang bercakap)

EI : Lepas pak cik duduk di Tapah, pak cik kena tukar di satu batilion pergi

ke Keroh. Sekarang ni nama Pengkalan Hulu sekarang *ni* [ini] (berdehem).

ZS : Pengkalan Hulu di mana?

EI : Pengkalan Hulu, Keroh. Keroh, Perak. Ada kem Perak sana.

ZS : Lama lah pak cik duduk situ?

EI : Setahun. Habis daripada Keroh *tu* [itu], pak cik kena hantar ke Batu Lima, Mentakab. Kem Batu Lima, Mentakab, Pahang. Di situ sampai tahun *enam puluh* [60] di situ. Daripada kem Batu Lima Pahang tu, pak cik daripada situ lah berangkat pergi ke Congo *tu* [itu]. Tahun *enam puluh* [60] *tu* [itu] ke Afrika. Sekarang nama Zaire kan Zaire kan. Dulu Congo kan, sekarang ubah nama Zaire kan.

ZS : Berapa lama duduk sana?

EI : Pak cik duduk lebih kurang dalam dalam lapan bulan lebih lah dekat-dekat sembilan bulan lah.

ZS : Macam duduk sana *tu* [itu] buat gapo [apa]?

EI : Dia dikira macam tentera kita dia ambik daripada Malaysia *ni* [ini] kita pendamai lah. Jaga keamanan, ada pergolakkan politik waktu di Congo *tu* [itu] kan. Di Congo masa *tu* [itu], dia bawah permerintahan Belgium. Jadi apa, kalau macam *tu* [itu] rakyat Afrika *ni* [ini] dia (berdehem) Presiden Lumumba mula-mula *nak* [hendak] jadi perdana menteri Lumumba di Afrika *tu* [itu] kan, dia lah orang cerdik pertama yang mula-mula *tu* [itu] kan *nak* [hendak] tuntut merdeka dekat Belgium *ni* [ini] lah. (orang bercakap)

ZS : *Hok* [yang] buat kerja apa tadi yang pak cik kata dia punya *tu* [itu] perselisihan faham *tu* [itu] dekat dekat Congo *tu* [itu]?

EI : Haaa di Congo *tu* [itu] cerita dia pengaman, pengaman lah. Masa *tu* [itu] macam kita di Malaya dulu kan, Tunku Abdul Rahman lah orang paling cerdik lah kira nak tuntut merdeka kita kata dengan orang putih kan. Presiden Lumumba *ni* [ini] lebih kurang *tu* [itu] lah. Afrika *ni* [ini] (orang batuk) dia di bawah naungan Belgium. Bangsa Belgium banyak lah di *nuh* [sana], di Afrika *ni* [ini]. Orang Belgium saja orang kan. Hasil dalam negeri Afrika *ni* [ini] tembaga, emas, belian, besi. Kaya lah. Masa tahun *enam puluh* [60] pak cik pergi di Afrika *tu* [itu] kan, dia dah maju dah perpuluhan tahun dah. Rumah batu dia *dua puluh empat* [24] tingkat dah ada dah (bunyi telefon).

- ZS : Dia maju *dulu* [dahulu] daripada (bunyi telefon) kita lah?
- EI : (Bunyi telefon). Fuhhhh *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] cerita lah (bunyi telefon). Kata *Masya Allah* kita lagi askar Malaya masuk pergi tengok rumah batu tinggi-tinggi tu kan, *tak* [tidak] tahu *nak* [hendak] buat apa. Serupa musang jatuh ke dalam bandar (ketawa). Teruk lah (ketawa). *Tak* [tidak] boleh pernah tengok. Jadi masa *tu* [itu] (ketawa), pak cik prebet lah *takda* [tiada] pangkat ke apa lah kan, kena betugas jaga tempat duta kita Malaysia lah. Duta Malaysia ke Afrika, ke Congo. Duduk atas bangunan *nuh* [sana], dekat bangunan *dua puluh* tingkat [20] atas bumbung *nuh* [sana] (ketawa) di atas *tu* [itu]. Tiap-tiap orang *dua* [2] jam kena duduk atas berjaga dengan teropong satu tengok takut ada orang serang ke apa kan. *Nuh* [sana] atas *nuh* [sana]. Atas *dua puluh empat* [24] tingkat *tu* [itu] kan, tengok orang macam tikus bawah (ketawa). Mana kita dekat Congo *tu dah* [itu sudah] maju daripada kita dah. Teruk *tak* [tidak] teruk.
- ZS : Memang apa kita *ni* [ini] pak cik *ni* [ini] duduk situ jaga orang Malaysia je [sahaja] lah?
- EI : Jaga keamanan lah. Takut orang serang ke apa. Kira pendamai lah. Kalau boleh kita jangan bagi kalau ada permusuhan antara Congo dengan *ni* [ini] lah.

ZS : Masa pak cik duduk sana dia dia tempatkan tentera *ni* [ini] di mana?

EI : Ditempatkan di kem tentera. Tengok lah rumah-rumah pelarian ke tempat ikut ikut duduk *je* [sahaja] lah. Duduk *je* [sahaja] lah. Dekat *airport* [lapangan kapal terbang] ada duduk, dalam Bandar ada duduk.

ZS : Kalau macam tempat tinggal semua?

EI : Tempat tinggal kira rumah-rumah tingal masuk-masuk *je* [sahaja] lah. Tentera datang masuk duduk situ *je* [sahaja] lah. Tumpang situ *je* [sahaja] lah. Tidak buat khemah apa lah.

ZS : *Takda takda* [tiada tiada] kem lah?

EI : *Takda* [tiada] kem lah. Tidak diperuntukkan lah.

ZS : Masa *tu* [itu] pak cik jawatan apa?

EI : Jawatan *takda* [tiada] apa benda lah *tu* [itu]. *Takda* [tiada] prebet *takda* [tiada] apa pangkat apa lah. Orang suruh pergi, kita pergi. Orang suruh tidur, kita tidur (ketawa). *Tu je* [itu sahaja] lah. *Takda* [tiada] apa-apa lah.

ZS : Macam masuk sana *tu* [itu] pak cik *tu* [itu] letak dalam pasukan ke apa?

EI : Dalam pasukan lah. Dia panggil platur. Dia panggil *company* [kumpulan] lepas *tu* [itu] platur. *Satu company* [1 kumpulan], *dua company* [2 kumpulan]. Lepas *tu* [itu], *satu* [1] platur, *dua* [2] platur. *Satu company* [1 kumpulan] dia ada *tiga* [3] platur. Faham *tak* [tidak]? Kalau batalion dia company. Kalau *satu* [1] batalion kan, orang kata *satu* [1] batalion askar melayu dia ada company dia. *Empat* [4] company dengan *lima* [5] dengan dia panggil *headquarters* [ibu pejabat]. *Headquarters* [ibu pejabat] company makna tempat pentadbiran lah dalam batalion *tu* [itu]. Faham *dah* [sudah]?

ZS : Dalam platur *tu* [itu] ada berapa orang?

EI : Dalam platur section pula. Satu section, dua section, tiga section. Ada tiga section pula. Pecahan dia. *Organization* [Organisasi] dia. Faham?

ZS : Nampak-nampak. Dalam section *tu* [itu]?

EI : Dalam section *tu takda* [itu tiada] lah. Dia kalau mengikut betul punya satu section *dua belas* [12] orang lah. Satu Koperal satu Lans Koperal lepas *tu* [itu] *sepuluh* [10] prebet. *Gitu* [begitu] lah.

ZS : Macam lepas pak cik balik dari Congo *tu* [itu]?

EI : Lepas pak cik balik dari Congo *tu* [itu], pak cik kena pindah ke Majidee. Majidee berek, Majidee kem, Johor Bahru.

ZS : Masih *tu* [itu] masih bawah jajahan British lagi ke?

EI : Haa masih bawah British lagi *tu* [itu]. Mari ke kita pada masa tahun *lima puluh tujuh* [57] pak cik dalam pak cik dalam *training* *tu* [latihan itu] kita sambut merdeka. Pada tahun *tiga puluh satu* [31] Ogos *lima puluh tujuh* [57]. Pada *tiga puluh satu* [31] haribulan lapan *tu* [itu] kan, pak cik kena kawad masa merdeka di pekan Seremban *tu* [itu] lah.

ZS : Kita apa macam pak cik pak cik bertugas lagi ke masa *tu* [itu]?

EI : Bertugas lagi lah. Tengah bertugas lah *tu* [itu].

ZS : Masa *duk* [duduk] tengah komunis *tu* [itu] pak cik tugas mana?

EI : Pak cik masa *tu* [itu] duduk Tapah *tu* [itu]. Di Tapah, Perak masa *tu* [itu]. Lepas *tu* [itu] Mentakab.

ZS : Macam masa komunis *dulu dok* [dahulu kan], dia serang dia ada-- -

-

EI : Dia bukan, komunis tujuan dia bukan apa, dia satu parti untuk untuk *nak* [hendak] menghambat orang putih lah *ni* [ini]. Macam kita tidak merdeka lagi kan, untuk *nak nak nak* [hendak] *ni* [ini] dia *nak* [hendak] hambat orang putih lah. Konon-kononnya. *Tapi* [tetapi] salah pembawa dia lah. Sebenarnya *je* [saja] kebanyakannya *ni* [ini] dia, dia Cina Malaysia *ni* [ini] juga. Dia Cina Malaysia. Cina di Malaysia *ni* [ini] mula-mula di *import* [masuk] oleh orang mat saleh. dia bawa mari Malaysia sini untuk apa, untuk mencari gali bijih. Bijih timah. Masa *tu* [itu] orang kita *tak* [tidak] ramai kan, jadi buruh kasar *ni* [ini] *takda* [tiada] orang. Jadi orang putih masa dia British dia pegang Malaya kita kan, dia import [masuk] orang cina daripada sini bawa mari sini, Malaysia sini untuk mencari bijih. Kerja bijih besi, emas, bijih timah. Itu sebab kalau kita, kalau kita belah Kinta belah *nuh* [sana] Perak *tu* [itu] kan, kita banyak lombong-lombang tinggal *tu* [itu] kan. Itu bekas bijih lah *tu* [itu]. Lombong-lombang besar tinggal *tu* [itu] kan, dia bekas bijih semua *tu* [itu] (berdehem).

ZS : Dia orang lah yang jadi komunisnya?

EI : Diorang *ni* [ini] lah. Lepas *ni* [ini] pula yang keduanya, Malaysia *ni* [ini] masa *tu* [itu] (orang berbual) mula-mula tanam getah dia *ambil*

[ambil] biji getah daripada Brazil. Biji getah kita. Kenal biji getah? Dia ambik [ambil] cubaan daripada Brazil *tiga* [3] butir untuk tanam di Perak, di Ipoh. Lepas *tu* [itu] merayau. Untuk *nak* [hendak] bekerja untuk buruh *tu* [itu] untuk menoreh apa nama dalam estet getah *ni* [ini] kan, dia *ambil* India (ketawa) buat kerja memotong getah. (Ketawa) *ambil* [ambil] India dari estet. Sampai sekarang, *dulu tu* [dahulu itu] Indai ramai estet *tu* [itu] kan. Pasal itu lah. *Tu* [itu] yang mula Cina dengan India mari mula menempat sini sampai sekarang *ni* [ini]. *Dulu* [dahulu] mana ada dalam Malaya kita ada Cina dengan Malaysia eh India. *Takda* [tiada]. Melayu semua. Mat saleh salahnya. Dia lah bawa marinya.

- ZS : Macam waktu zaman komunis *dulu* [dahulu] *tu* [itu] *guano* [bagaimana] rakyat dia semua hidup *tu* [itu]? Rakyat kita *ni* [ini]?
- EI : Ketakutan lah. *Tapi* [tetapi] tidak tidak lah seperti Jepun. Kerja biasa *ni* [ini] semua. Cuma parti komunis *ni* [ini] kan, cuma dia minta makan *je* [sahaja] lah. Dia minta makan dengan orang-orang kampung *je* [sahaja] lah. Kalau kita orang ada, kitaorang bagi *tapi* [tetapi] kalau *takda* [tiada], *takpa* [tidak mengapa]. Dia *tak* [tidak] buat khianat dekat orang. Dia cuma *nak* [hendak] melawan British *je* [sahaja] lah. Kalau puak pegawai British masuk hutan, haa dia lawan lah. Kalau bangsa Melayu *ni* [ini] dia *tak* [tidak] buat. *Gitu* [begitu] pulanya.

- ZS : Kenapa dia benci sangat dengan British *tu* [itu]?
- EI : Dia *nak* [hendak] hambat lah. *Tak* [tidak] kasi ada dekat Malaya kita *ni* [ini]. Dia kata Malaysia *tak* [tidak] reti *nak* [hendak] hambat British biar aku hambat lah bak kata dia. Sebab itu tujuannya *tu* [itu]. Setelah daripada *tu* [itu], *dah* [sudah] apa nama *ni* [ini] pak cik *tak* [tidak] ingat tahun. Masa *tu* [itu] perdana menteri kita, Tunku Abdul Rahman lah, ingat *tak* [tidak] Tunku Abdul Rahman? Buat keputusan pergi mesyurat dengan Ching Peng, Parti Komunis Malaya. Lepas *tu* [itu], Rashid Maidin, setiausaha Parti Komunis Malaya masa *tu* [itu], orang kuat *tu* [itu] kan. Mesyurat di mana? Mesyurat di Sekolah Kebangsaan di Baling. Masa *tu* [itu]. Pakcik kenal lah dia Chin Peng dengan Rashid Maidin ni [ini]. Chin Peng dia mari daripada nuh, daripada Bangkok nuh. Dia duduk di Bangkok. Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya, Chin Peng *tu* [itu] lah. Orang kuat. Dia mesyurat di Baling. Apa kala dia mesyuarat di Baling, Chin Peng ni [ini] dia sekelas dengan Tunku Abdul Rahman *ni* [ini]. Dia kenal lah sebab *tu* [itu] lah Tunku Abdul Rahman boleh panggil Chin Peng. Apabila Tunku Abdul Rahman *dah* [sudah] panggil Chin Peng *ni* [ini] kan, dia bagitahu [beritahu] lah *mu toksah dok* [awak tak payah] kacau Malaya *ni* [ini]. Sekarang Malaya *dah* [sudah] merdeka, aku perdana menteri sekarang *ni* [ini]. *Mu* [awak] buat genjatan senjata, buat genjatan senjata. Lepas *tu* [itu], baru lah *tak* [tidak] lama Parti Komunis pun genjatan senjata, habis *takda* [tiada] lagi *dah* [sudah] komunis. Faham *dah* [sudah]? Nampak *dah*

[sudah]? Genjatan senjata habis lah. *Takda dah* [tidak sudah] lah Komunis sekarang. Apa kala dah macam *tu* [itu] habis Komunis, timbul pula (bunyi burung) tahun *enam puluh tiga* [63], konfrontasi antara Malaysia dengan Indonesia. Malaysia kita *ni* [ini] dengan Indonesia. Konfrontasi berperang dengan Indonesia selama dua tahun sampai tahun *enam puluh lima* [65]. *Bubuk* [bahagia] mana? *Bubuk* [bahagian] Sarawak di Kalimantan Utara Kalimantan Selatan *tu* [itu] kan, di sebelah utara kita punya Sarawak Miri *tu* [itu] *apa Miri tu* [itu] Miri. *Tu* [itu] kan, Malaysia *ambil* [ambil] kan. *Tapi* [tetapi] di sebelah selatan *ni* [ini] hok Indonesia pulau apa nama Sarawak *tu* [itu]. Jadi dia *nak* [hendak] *ambil* [ambil] balik tuntut *tu* [itu]. *Tu* [itu] yang masa *tu* [itu] masa *tu* [itu] presiden dia Soekarno, Bung Soekarno. Ingat *tak* [tidak]? Bung Soekarno presiden Indonesia waktu *tu* [itu]. Yang *tu* [itu] yang ganyang ganyang Malaysia *tu* [itu]. Berperang lah masa *tu* [itu].

ZS : Masa *tu* [itu] pak cik tugas lah?

EI : Pak cik tugas lah waktu *tu* [itu]. Pak cik tugas duduk di duduk di Malaysia kita *ni* [ini] lah. Pak cik pergi tugas enam tujuh bulan lepas *tu* [itu] balik pula. Lepas tu [itu], pergi ke Sabah empat lima bulan balik pula *gitu* [begitu] lah. *Takda* [tiada]. Masa *tu* [itu] *takda* [tiada] tempat lagi lah. *Takda* [tiada] tempat *nak* [hendak] peruntukkan lagi kan. Benda baru lah kan. Sekarang *ni takpa dah* [ini tidak mengapa sudah]

lah *diorang* [mereka] pun ada kuarter. Dia boleh bawa *family* [keluarga] dia lah anak bini dia lah.

ZS : ***Dulu [dahulu] duduk dalam hutan gitu je [begitu saja] ke?***

EI : *Dulu* [dahulu] duduk lah. Mula-mula sampai dekat (bunyi mesin) dekat Sarawak *tu* [itu] kan, baru lah kita kenal orang Iban *ni* [ini]. Masa Iban-Iban perempuan Iban berkemban, *takda* [tiada] pakai kain (ketawa). Gadis-gadis Sarawak *tak* [tidak] (gelak) tak [tidak] reti pakai kain, berkemban. Berkebun. Taman ubi, taman pisang, taman padi. Kaum Iban dia panggil.

ZS : ***Itu hok* [yang] paling dekat dengan pak cik *tu* [itu] lah? Masa waktu perang *tu dok* [itu kan], jenis-jenis senjata *hok* [yang] diguna *tu* [itu]--**

EI : Masa *tu* [itu] tidak moden lagi lah seperti *ni* [ini]. Dua tiga jenis lah seperti meriam ada *dah* [sudah], meriam, mortar, *riffle* [senapang] biasa lah. Senjata-senjata ringan memang untuk kita pakai lah untuk buat *anu* [dialek Johor].

ZS : ***Macam gapo* [apa] macam kan tengok dalam tv lah *dok* [kan], *hok***

[yang] dia ada askar cedera dia *nak* [hendak] *contact* [hubungi]
orang luar *tu* [itu] lagu mana dia- - -

EI : Dia pakai dia panggil dia panggil satu dia macam radar. Boleh kesan dari luar yang mari *tu* [itu] kan. Dia boleh nampak dalam radar *tu* [itu]. Jauh mana jauh ke mana ke mana dan di sini pun kita bersedia lah. *Tu* [itu] yang bertempat di di airforce mana lah, atas atas kapal perang, di pangkalan tentera udara.

ZS : **Masa kita dalam hutan *tu* [itu] ada juga lah radar tu?**

EI : *Takda* [tiada] lah. Hantar dia panggil dia panggil dia pakai guna *intelligence* lah. *Intelligence ni* [ini] kita orang kata pengintip rahsia. Dia mencari rahsia di mana duduknya Komunis. Dia melalui pandai dia lah. Dia pergi melalui menyamar jadi orang-orang kampung lah *nak* [hendak] tahu di mana duduknya Komunis-Komunis (bunyi telefon).

ZS : **Dia duduk macam di sekali dalam hutan *tu* [itu] ke? (bunyi telefon)**

EI : Tidak lah. Dia pergi cari-cari orang-orang kampung lah. Dia menyamar lah. (Orang berbual)

ZS : Macam (orang bercakap) tentera *ni* [ini] duduk dalam hutan *dok* [kan], lepas *tu* [itu] *guano* [bagaimana] dia hantar- - -

EI : *Pass* [beri] signal lah. Ada wireless set dia panggil. Kita kena bawa lah wireless *tu* [itu] dia untuk tahu berita apa-apa. Kita kena galas benda *tu* [itu] lah.

ZS : Benda *tu* [itu] semua orang boleh galas ke ada orang-orang tentu?

EI : Dia orang tertentu *saja* [sahaja] dia bawa. Dia ada orang terlatih *saja* [sahaja]. Orang-orang tertentu *je* [sahaja] lah. Orang lain *tak* [tidak] boleh *tu* [itu] lah. *Wireless* [merujuk kepada alat perhubungan tentera] *tu* [itu] kan, dalam satu platur *tu* [itu] kan dia ada satu orang wireless untuk company lah. Company kalau satu company dia ada, kalau tiga company dia ada tiga wireless lah (bersedawa). Kalau kita masuk hutan ke kita kena kena bawa lah untuk *tu* [itu] lah. Dia memang khas untuk wireless punya. Masa kita darurat *dulu* [dahulu] dia bercakap belajar guna wireless *ni* [ini] dia pakai kod belaka. Dia *tak* [tidak] pakai cakap (orang berbual) cakap macam kita sekarang *ni* [ini]. Pasal takut Komunis dengar (orang berbual). Bising lah. Dia memang main pakai kod-kod *saja* [sahaja] (buat bunyi morse). (Bunyi telefon) ada maknanya *tu* [itu]. Alpha, Bravo, Charlie, Delta, Echo, Foxtrot A, B, C, D, E, F (bunyi telefon) (gelak) sampai Z lah. Z tu Zulu lah. Alpha tu

A, Bravo B, Charlie *tu* [itu] C, Delta *tu* [itu] D (ketawa).

ZS : **Dia macam apa benda wireless *tu* [itu] rupa dia lagu [macam] mana?**

EI : Dia macam satu macam radio lah. Dia boleh galas mana-mana kita pergi lah. Dengan dia punya, apa orang panggil letak dekat telinga *tu* [itu] untuk dengar macam *tu* [itu] lah. Macam kita dengar radio.

ZS : **Macam macam pak cik tugas dulu *dok* [kan], ada *dok* [tidak] tentera *hok* [yang] cedera kena periuk api?**

EI : Ohhh banyak sangat. Paling *naya* [kesian] sekali. Macam *last* [akhir] sekali company pak cik masa tu dia nama company pak cik A company masa *tu* [itu] kan, pergi bertugas di Sintok tempat Universiti Utara sekarang *ni* [ini] kan. Di Sintok masa *tu* [itu], di situ mula-mula, mula-mula komunis ini menggunakan *booby trap* [periuk api] jerangkap samar *tu* [itu]. Mula-mula sekali berjaya ke dia. Enam orang apa *ni* [ini] anggota pak cik mati di situ lah di Sintok lah. Ada nama seorang *tu* [itu] Koperal Mat dia bagi (orang batuk) ketua *section* [bahagian] dia bawa orang pergi meronda (orang batuk) lah, nak [hendak] hala balik daripada meronda *tu* [itu], lepas daripada jambatan sikit kena *ambush* [serang] di Komunis kena jerangkap samar, hancur. Belum kahwin

lagi. Dijangkanya dia habis buat bertugas di operasi *ni* [ini] dia *nak* [hendak] balik kahwin lah. Hancur habis kena jerangkap samar. Sedih.

ZS : **Dia kalau jerangkap samar tu [itu] dia letak kawasan lagu [macam] mana?**

EI : Dia letak kawasan tepi-tepi jalan lah. Kalau kita berjalan di tepi-tepi dia letak lah situ lah. Dia gali lepas *tu* [itu] dia kambus. Kita *tak* [tidak] sangka benda *ni* [ini]. Kadang-kadang dia tanam wayar. Kadang-kadang kita tersepak wayar kan, bom meletup. Kadang-kadang dia letak bawah kayu, kalau kita terpijak kayu *tu* [itu] bom meletup. Tempat yang *tak* [tidak] sangka-sangka.

ZS : **Tak [tidak] boleh *nak* [hendak] agak lah duduk mana benda *tu* [itu]?**

EI : *Tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] agak kita duduk mana. Kita *tak* [tidak] tahu, kita *tak* [tidak] nampak. Salah-salah bayang kita tersalah duduk atas tungkul bom meletup. Kita ingat *takda* [tiada] (bunyi telefon). Dia jerangkap samar *ni* [ini] dia orang buat bom *ni* [ini] dia boleh kita angkat punggung kita meletup, kita pijak pun meletup. Macam pintu *ni* [ini] kan, buka pintu meletup. Pintu *ni* [ini] luar boleh buka *tu* [itu]. Pak cik pandai buat (ketawa). Pasal pak cik ada belajar, ada kursus lah.

Buka kunci bom. Kita kena tengok lah cerita James Bond dalam kereta.

Lebih kurang *tu* [itu] lah.

ZS : **Memang *dulu* [dahulu] pak cik ada belajar lah benda *tu* [itu]?**

EI : Ada lah. Pergi kursus lah. Dia bagi pergi kursus lah. Masa pak cik pergi kursus senjata dia ada ajar. Buat dengan *demolition* [pemusnahan] dia panggil. Bahan-bahan letupan. Kita kena faham mana bunga *tu* [itu] mana bila jadi meletup lah. Macam rumah batu kita *nak* [hendak] letupkan *tu* [itu] boleh lah. Dalam *ni* [ini] pak cik cerita lah *tapi* [tetapi] *tak* [tidak] boleh lah (ketawa). Bahaya. Benda *tu* [itu] bahaya.

ZS : **Macam sepanjang *tu* [itu], *hok* [yang] rapat-rapat dengan pak cik *tu* [itu] meninggal sebab benda *tu* [itu]?**

EI : Kawan-kawan ada lah. Ada putus kaki, ada putus tangan ada. Banyak tentera yang putus tangan putus kaki sebab jerangkap samar. Banyak, ramai. Allah putus kaki putus tangan, mati *tak* [tidak] terkira lah. Dia ancaman paling kuat lah. Kena tembak lagi kena jerangkap samah lagi apa lagi.

ZS : *Hok [yang] macam ada terkorban hok [yang] ke hok [yang] ada cedera dalam hutan tu dok [kan]*---

EI : Kita kena bawa dia balik minta kita minta helikopter tentera udara dia mari *ambil* [ambil] lah. Mayat-mayat orang *tu* [itu].

ZS : *Nak [hendak] panggil heli [helikopter] tu [itu]?*

EI : Guna signal tadi *tu* [itu] lah.

ZS : *Kalau dok [masa] tengah-tengah perang *tu* [itu], hok [yang] ada yang cedera memang kita akan berhenti lah.*

EI : Memang kita akan tarik *ambil* [ambil]. Dekat mana pun kita kena berhenti *pisoh* [usaha] *ambil* [ambil] *lagu* [macam] mana pun. Kita *tak* [tidak] boleh biarkan dia *gitu* [begitu].

ZS : **Memang kita bawa balik semua lah?**

EI : Kena bawa balik lah. Keluarga dia ada. Mesti kita kena ikhtiar *lagu* [macam] mana pun. *Dok* [ada] (buat bunyi meletup) meletup ke dia mesti tengok cerita *tu* [itu] kan dalam cerita kombat apa kan *lagu* [macam] *tu* [itu]

ZS : Macam *hok* [yang] siapa tadi yang *hok* [ada] kena periuk api *tu* [itu], badan dah berkecai semua *tu* [itu] kan buat macam mana?

EI : *Hok* [yang] macam *tu* [itu] kita kutip lah mana-mana kita *nak* [hendak] buat- - - bangkai-bangkai kita kutip bawa balik lah. Kita orang Islam kena mandikan *nak* [hendak] apa semua kan. Kita kena *ambil* [ambil] lah *tak* [tidak] boleh tinggal *gitu* [begitu] lah. Sedih kita.

ZS : Pak cik pernah ke ada nyaris-nyaris *nak* [hendak] kena jerangkap samar ke periuk apa ke ada *tak* [tidak]?

EI : Ada (ketawa). Itu kira, dia kira jenis benda *ni* [ini] jenis kira nasib dan kita cepat kita kuat berfikir. Kuat berfikir macam mana? Kita mesti perasaan kita ada perasaan syak was sangka. *Kang* [nanti] aku pergi sini ada jerangkap samar *Kang* [nanti] mati. Kita mesti ada syak wasangka untuk diri kita sebab kita *nak* [hendak] menyelamatkan. Itu lah satu cara. Pegang petua pak cik *tu* [itu] (ketawa). Kalau *mek* [cik] begitu pegang petua. Kita mesti ada syak was sangka mesti ada dalam diri kita. *In Shaa Allah* mudah-mudahan selamat. Macam kita bawa kereta, eh kalau aku buat macam *ni* [ini] jadi apa-apa macam mana aku *nak* [hendak] buat. Kita selamat. Mesti kena ada. Pegang *tu* [itu]. Petua besar pak cik *tu* [itu] pak cik bagi (ketawa). Pak cik bukan *nak* [hendak] kata tapi ini kuasa Tuhan kan, walau apa kata Tuhan kita kena ikhtiar. Sampai sekarang kalau pak cik bawa motor pak cik *tak* [tidak]

pernah *accident* [kemalangan] pak cik. Kalau aku lari laju-laju kalau ada apa-apa hal *lagu* [macam] mana *ni* [ini]. *Slow* [perlahan] (ketawa). Betul *tak* [tidak]?

ZS : Betul (ketawa). Pak cik ada lah macam nyaris *nak* [hendak] terkena?

EI : Nyaris-nyaris ada lah *tapi* [tetapi] kita *dan* [sempat] tengok dia (ketawa). Nampak lah. Jadi sebabnya pak cik ada kursus, jadi kita tahu lah buat benda tu [itu] semua. Jerangkap samar *ni* [ini]. Kita *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] pindah sendiri. Kena panggil pakar jerangkap samar *ni* [ini] mari matikan balik *tu* [itu]. *Tak* [tidak] boleh memandai-mandai.

ZS : Kalau nampak jerangkap samar *tu* [itu] kena panggil dia lah?

EI : Beritahu dia nanti dia buat lah. Pak cik kalau pandai pun pak cik *takda authority* [tiada kuasa] untuk *nak* [hendak] buat sendiri *tu* [itu]. Takut jadi apa-apa tanggungjawab besar. Bersalah. Kenapa kamu buat. Macam pak cik ada pengalaman kan, kita mesti kena panggil pakar buat. Mari buat *tu* [itu].

- ZS : Macam bentuk periuk api *tu* [itu] *lagu* [macam] mana?
- EI : Macam-macam bentuk. Dalam buluh ada, dalam periuk orang buang pun ada dia buat (ketawa).
- ZS : Dia bukan dia bukan keluar dari kilang *gitu* [begitu]?
- EI : Itu *hok* [yang] kilang *tu* [itu] Amerika buat. Komunis *ni* [ini] dia *dah tak* [sudah tidak] guna kilang-kilang *ni* [ini] dah. Dia buat bentuk sendiri. Daripada tin susu, daripada tin milo dia buat. Daripada botol. *Hok* [yang] British *tu* [itu] dia ada kilang dia. Ini dia orang Komunis *ni* [ini] dia gunakan bahan-bahan buangan. Dalam botol air mineral plastik *tu* [itu] kan, dia boleh buat bom *tu* [itu]. Lepas *tu* [itu], dia letak tengah jalan. Kita pun tengok botol *tu ambik* [itu ambil] bawa lepas *tu* [itu], bom meletup.
- ZS : Ohh patut lah *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] agak *tu* [itu].
- EI : Itu sebab *tak* [tidak] nampak *tu* [itu]. Jadi berertinya kalau kita kena operasi *tu* [itu] kan, kalau benda-benda pelik jumpa dalam *tu* [itu] kita *tak* [tidak] boleh *ambik tak* [ambil tidak] tentu hala, satu. Keduanya, kita *tak* [tidak] boleh pijak *tak* [tidak] tentu hala yang keduanya kita *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] tendang dia. Jangan. Kalau tidak kita kena

langkah *je* [sahaja]. Jangan usik benda *tu* [itu]. Langkah *takpa* [tidak mengapa] janji kita *tak* [tidak] pijak kan. *Takpa* [tidak mengapa].

ZS : ***Hok* [yang] ikut guna barang buangan *tu* [itu] Komunis lah *tu* [itu]?**

EI : Komunis lah buat *tu* [itu]. Itu dia punya lah *tu* [itu]. Dia *tak* [tidak] keluar belanja belaka Komunis *tu* [itu].

ZS : **Selain daripada jerangkap samar semua *tu* [itu]- - -**

EI : Itu dia panggil belantik. Belantik *ni* [ini] dia buat daripada seperti kita kata Kelantan kita bidas. Dia daripada paut kayu kan, dia macam kita *nak* [hendak] buat apa nama *ni* [ini] jerat kijang ke jerat apa. Pijak wayar sana dia macam lembing sini. Dada lah kena perut lah peha lah. Dia daripada buluh belaka *tu* [itu].

ZS : **Komunis lah *tu* [itu]?**

EI : Komunis lah. Komunis lah yang buat *tu* [itu]. Bisa. Jangan lah (ketawa).

ZS : Itu antara cara-cara dia serang lah *tu* [itu]?

EI : Cara dia lah. Sebab apa? Sebab tujuan dia masa *tu nak* [itu hendak] menghalang kan pasukan keselamatan untuk *nak* [hendak] kejar dia *tu* [itu]. Dia menghalang *je* [sahaja] lah. Jadi apabila buat macam *tu* [itu] pergerakkan kita tergendala lah.

ZS : Kena berhenti *dulu* [dahulu] kan?

EI : Mestilah. Dia *dah* [sudah] pakat-pakat lari *dah* sudah]. Begitu lah. Cerdik. Menghalang pergerakkan dia. *Tu je* [itu sahaja] lah.

ZS : Dia bukan *nak* [hendak] serang kita?

EI : Tidak *tapi* [tetapi] walau bagaimana pun kalau terserempak dengan kita, kita *tak* [tidak] lari nanti dia serang lah. Dia tembak. Lawan tembak lah. *Tapi* [tetapi] selagi dia boleh mengelakkan dia *tak* [tidak] tahu dia *tak* [tidak] tembak. Ini Komunis punya hal lah. *Tapi* [tetapi] kalau dia terserempak *tak* [tidak] boleh lari *nak* [hendak] *anu* [dialek Johor] kan dia terpaksa tembak. Kadang melawan tembak satu jam satu jam setengah. Nasib lah.

- ZS : **Habis macam kalau British *ni* [ini] dia kejam juga *dak* [tidak]?**
- EI : Tidak. British *ni* [ini] serangan dia secara *slow* [pelahan]. Dia *styles slow* [jenis perlahan] lah. Dia punya kezaliman dia *tu* [itu] secara *slow* [perlahan]. *Tapi* [tetapi] satu *saja* [sahaja] dia kita puji dia. Undang-undang dia ikut. Undang-undang dia buat kan. Sampai kepada menteri dia, dia ikut undang-undang. Dia tidak bantah. Macam orang kita sekarang *ni* [ini] dia buat undang-undang tapi orang besar-besar, orang atas-atas dia *tak* [tidak] guna apa dia buat. Mat salleh dia ikut. *Misalan* [misalnya] kata, kita *nak* [hendak] buat melawat *satu* [1] kem lah, *nak* [hendak] melawat *satu* [1] kem tiap-tiap sebelum dia *nak* [hendak] masuk dalam *satu* [1] kem ada pengawal dia panggil. Orang putih punya *nak* [hendak] melawat dekat *satu* [1] kem *tu* [itu] dia mesti *dok* [akan] hormat dekat pengawal yang jaga *tu* [itu]. Dia turun daripada kereta dia. Orang Melayu kita tidak (ketawa). Kalau nak sekat dia, awak *tak* [tidak] kenal saya ke, kata dia (ketawa). Betul *tak* [tidak]? Ini pak cik puji *saja* [sahaja]. Pak cik puji orang putih.

- ZS : **Kalau British *ni* [ini] dia *tak* [tidak] *nusuk deh* [menyorokkan], kalau Komunis *ni* [ini] dia *nusuk* [menyorok]?**
- EI : Tidak dia *tak* [tidak] menusuk. Komunis *ni* *nak* [ini hendak] marahkan British, jangan *nak nyanye* [hendak kacau]. Orang-orang Melayu kita

ni tak [ini tidak] marah.

- ZS : Bagi pak cik lah Komunis ke British lagi kejam?**
- EI : Ehh Komunis lah (berdehem). British *ni* [ini] dengan cara halus lah tidak mendadak macam Komunis macam Jepun *ni dak* [ini tidak] lah British *ni* [ini].
- ZS : Kita ada perang juga ke dengan British?**
- EI : Ehh *takda* [tiada] lah. Kita *duk* [duduk] bawah naungan dengan British *dulu* [dahulu]. Kita merintah Malaysia *dulu* [dahulu] kan. Tahun *lima puluh tujuh* [57], merdeka baru lah British habis. Kita merdeka *day* [hari] lah
- ZS : Boleh *tak* [tidak] pak cik cerita macam beza masa zaman Jepun, British dengan Komunis?**
- EI : Ohh lain. *Tak* [tidak] sama belaka. Masa-masa Jepun, makanan susah duit susah. Rakyat menderita, satu. Masa Komunis kita susah dia apa nama *ni* [ini] dia kacau kita time *nak* [hendak] minta makan *je* [sahaja]. Dia buat *krenak* [kacau] orang kampung tu *dok* [tidak]. Dia ganggu air dengan *tang* [bahagian] makan *je* [sahaja]. Dia pergi ke rumah-rumah

orang minta makan, minta beras, minta ini-ini. Kadang-kadang dia minta lah. Dia *tak* [tidak] rampas lah. Masa Jepun *ni* [ini] dia *tak* [tidak] minta pun, rampas. Orang tanam padi habis dia rampas habis padi, ayam apa, rogol. *Tu* [itu] dia jepun *ni* [ini]. Dahsyat. Macam Komunis *ni* [ini] dia *tak* [tidak], dia *tak* [tidak] buat *tak* [tidak] rogol orang, *tak* [tidak] harta benda orang. *Takda takda* [tiada tiada]. Dahsyat.

ZS : Dia macam orang putih lah?

EI : Dia macam orang putih juga. Cuma dia *nak* [hendak] makanan *je* [sahaja].

ZS : Kalau British pula?

EI : Kalau British *ni* [ini] dia merintah negeri lah merintah *tu* [itu]. Dia tadbir lah Malaysia baru naungan British kan. Kerajaan British lah. Kerajaan British daripada kerajaan British dia di hantar diberi nama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia. Yang kita sekarang *ni* [ini] dekat duta lah untuk tadbirkan Malaysia *ni* [ini].

ZS : Apa *tu* [itu] dulu *hok* [yang] orang putih *tu* [itu]? Birch, Birch *dak* [kan]?

EI : Itu masa British mula-mula duduk mari *tu* [itu]. Yang kena bunuh, bunuh di Perak *tu* [itu]. Birch. Tuan Birch. Apa *ni* [ini] W. Birch ke apa Birch. Masa *tu* [itu], yang bunuh dia *tu* [itu] pemberontak daripada daripada ala Dato' apa nama masa *ni* [ini] lah lupa *dah* [sudah] lupa *dah* [sudah]. Dato' Maharajalela masa *tu* [itu]. Dia yang ada dia punya (bunyi telefon) golongan, golongan dia *ni* [ini] pengikut dia *tu nak* [itu hendak] menghalau British masa *tu* [itu]. Dato' Maharajalela yang jadi *ni* [ini] tapi sejarah Kelantan kita *ni* [ini] kan, Tok Janggut menentang orang putih kan kumpulan dia lah yang menentang orang putih *ini* [ini]. Dato' Maharajalela, Perak. Tok Janggut kita *ni* [ini] dari Kelantan kita *ni* [ini]. Menentang British tu [itu]. Kes apa dia menantang *tu* [itu]? Kes British *nak* [hendak] minta cukai lah. Kalau *tak ambik* [tidak ambil] cukai daripada rakyat *ni* [ini] dia *nak ambik* [hendak ambil] duit dari mana *nak* [hendak] tadbir negeri. Mesti ada cukaikan. Itu aje [sahaja] lah. Jadi Tok Janggut *ni tak nak* [ini tidak mahu] bayar cukai. Sebab *tu* [itu] lah melawannya (bunyi kerusi). *Nak* [hendak] lawan British, dia tentera kan, *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] lawak ke *awok ni* [mereka ini] keris lembing *ni* [ini] betul *tak* [tidak]. Mana boleh lawan. Lagi satu pun dia bukan pemerintahan. *Tu* [itu] lah cerita dia. Nampak *dah* [sudah]?

ZS : Apa *tu* [itu] dulu *hok* [yang] orang putih *tu* [itu]? Birch, Birch *dak* [kan]?

EI : Itu masa British mula-mula duduk mari *tu* [itu]. Yang kena bunuh, bunuh di Perak *tu* [itu]. Birch. Tuan Birch. Apa *ni* [ini] W. Birch ke apa Birch. Masa *tu* [itu], yang bunuh dia *tu* [itu] pemberontak daripada daripada ala Dato' apa nama masa *ni* [ini] lah lupa *dah* [sudah] lupa *dah* [sudah]. Dato' Maharajalela masa *tu* [itu]. Dia yang ada dia punya (bunyi telefon) golongan, golongan dia *ni* [ini] pengikut dia *tu nak* [itu hendak] menghalau British masa *tu* [itu]. Dato' Maharajalela yang jadi *ni* [ini] tapi sejarah Kelantan kita *ni* [ini] kan, Tok Janggut menentang orang putih kan kumpulan dia lah yang menentang orang putih *ini* [ini]. Dato' Maharajalela, Perak. Tok Janggut kita *ni* [ini] dari Kelantan kita *ni* [ini]. Menentang British tu [itu]. Kes apa dia menantang *tu* [itu]? Kes British *nak* [hendak] minta cukai lah. Kalau *tak ambik* [tidak ambil] cukai daripada rakyat *ni* [ini] dia *nak ambik* [hendak ambil] duit dari mana *nak* [hendak] tadbir negeri. Mesti ada cukaikan. Itu aje [sahaja] lah. Jadi Tok Janggut *ni tak nak* [ini tidak mahu] bayar cukai. Sebab *tu* [itu] lah melawannya (bunyi kerusi). *Nak* [hendak] lawan British, dia tentera kan, *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] lawak ke *awok* *ni* [mereka ini] keris lembing *ni* [ini] betul *tak* [tidak]. Mana boleh lawan. Lagi satu pun dia bukan pemerintahan. *Tu* [itu] lah cerita dia. Nampak *dah* [sudah]?

J.W.Birch tu [itu] daripada dekat?

EI : Tidak lah. Pak cik pun *takda* [tiada] lagi masa *tu* [itu]. Masa *tu* [itu] kita tahun berapa *tu* [itu]. Buku sejarah dia. Masa pak cik tengah *ngaji* *tu* [belajar itu] ada lah. Baca buku sejarah dia *je* [sahaja] lah.

ZS : Masa pak cik jadi tentera *tu* [itu]?

EI : Masa pak cik jadi tentera *tu takda* [itu tiada] cerita lah. Lama *takda* [tiada] dah. Dia masa zaman Tok Janggut, zaman Mat Kilau masa *tu* [itu] lah *tu* [itu].

ZS : Ada *tu* [itu] saya baca pasal Rosli Dhobi *tu* [itu] siapa?

EI : Itu pak cik *tak* [tidak] tahu. Kalau macam zaman Komunis zaman Komunis *tu* [itu] Abdullah CD *tu* [itu] ada lah *tu* [itu]. Manaf Jepun. Abdullah CD, Pahang. Manaf Jepun kepala komunis Pahang la *tu* [itu] Melayu (ketawa). Pasal cita-cita dia *tak* [tidak] sampai dia jadi Komunis lah. British nak hambat dia. Orang buruan. Orang Melayu kita *ni* [ini] yang masuk Komunis *ni* [ini] orang buruan dia dalam parti *nak* [hendak] hambat dia, dia lari masuk Komunis lah.

ZS : Komunis berapa lama dia *ni [ini]* dia serang?

EI : Dia daripada tahun *empat puluh lapan* [48] sampai tahun *lima puluh tujuh* [57]. Berapa tahun dah? *Empat puluh lapan* [48] sampai *lima puluh tujuh* [57]. *Sembilan* [9] tahun. *Sepuluh* [10] tahun lebih kurang.

ZS : Masa Komunis serang *tu [itu]*, kita bawah British ke?

EI : Kita bawah British lagi la *tu [itu]*. Belum merdeka lagi.

ZS : Maknanya British pula berapa lama ya?

EI : British pak cik *tak* [tidak] lah. Daripada tahun *tiga puluh* [30] ke tahun *dua puluh lapan* [28] sampai lah tahun, sampai lah tahun *empat puluh satu* [41], nya *hambat* [halau] di Jepun kan? Dia lari balik. Lepas *tu [itu]* sampai tahun *empat puluh lima* [45] British ambil balik. *Dua* [2] kali penjajah British.

ZS : Mula-Mula?

EI : Mula-mula British, lepas *tu [itu]* perang dunia *kedua* [ke-2] Jepun. Lepas perang *kedua* [ke-2] Jepun, habis perang *kedua* [ke-2] Jepun, British ambil balik tahun *empat puluh lima* [45]. Orang lama ada, dia

tahu cerita. Tahun *empat puluh lima* [45] tu [itu] kan, British pergi bom Hiroshima sama Nagasaki Jepun *nuh* [sana]. Masa tu [itu] pemerintahan Jepun lagi kan tahun *empat puluh lima* [45]. Kena dua butir bom pulau tu [itu], habis Jepun *surrender* [menyerah] habis. *Surrender* [menyerah] habis, letak senjata. *Hok* [yang] mana orang *dulu-dulu nak* [dahulu-dahulu hendak] lepas geram. Dia pegi *godam* [pukul] Jepun, pukul (ketawa).

ZS : Itu yang dapat dekat British balik Malaya tu [itu]?

EI : Dapat British balik Malaya. Sampai lah tahun *lima puluh tujuh* [57] Malaysia *ambil* [ambil] pula, habis (orang berbual). Sampai lah sekarang (ketawa). Ertinya British ni [ini] *dua* [2] kali dia mari dia *ambil* [ambil] Malaya kita *ni* [ini] lah. *Dua* [2] kali lah. Masuk kali yang *kedua* [ke-2] tahun *lima puluh tujuh* [57] baru lah dia *out* [keluar]. Malaysia kita *ambil* [ambil] balik lah. Merdeka pada tahun *lima puluh tujuh* [57]. Tiga *puluh satu* [31] Ogos bulan *lapan* [8] tahun *lima puluh tujuh* [57] Malaysia merdeka di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur tu [itu].

ZS : Bukan dataran merdeka?

EI : Bukan. *Dulu takda* [dahulu tiada] dataran merdeka lagi.

ZS : Maknanya tempat sama ke?

EI : Tempat yang sama lah. *Dulu* [dahulu] nama Padang Merdeka. *La ni* [sekarang ini] Dataran Merdeka kan. *Dulu* [dahulu] Padang Kelab Selangor dia panggil sana. Masa *tu* [itu], Persuruhjaya Tinggi Malaysia masa *tu* [itu] Sir Henry Gurney ke apa pak cik *tak* [tidak] ingat dah. Antara bendera Malaysia dengan British kan, *nak* [hendak] turunkan bendera British kan, *nak* [hendak] naikkan bendera Malaysia. Bendera Malaysia duduk bawah kan, bendera British duduk atas kan, *nak* [hendak] sama naik lah *tu* [itu]. Bendera British turun bendera Malaysia naik. Habis sama-sama lah *tu* [itu], Malaysia diistiharkan merdeka.

ZS : Malayan Union punya bendera?

EI : Malayan union punya *tu* [itu] menentang kemerdekaan Dato' Onn punya. Masa *tu* [itu] Dato' Onn *tak* [tidak] berapa setuju *nak* [hendak] merdeka lagi. Sebab apa? Sebabnya sebab logik juga kata dia pasal waktu dia dengan Tunku Abdul Rahman *tu* [itu] kan, masa mula *nak* [hendak] merdeka kita ada *dua* [2] parti Malaysia *ni* [ini]. *Satu* [1] nama Parti Negara yang satu lagi yang Tunku Abdul Rahman buat

Parti Perikatan. Parti Perikatan *ni* [ini] ia cap kapal layar. Parti Negara *ni* [ini] (ketawa) dia dekat Gemal Padi.

ZS : Gemal padi?

EI : Pokok padi. Gemal dia panggil, gemal. Pokok padi *ni* [ini] dia *tak* [tidak] rupa sekarang *ni* [ini]. Sekarang *ni* [ini] dia mesin kan, *dulu* [dahulu] padi *ni* [ini] dia panggil kita ketam padi *ni* [ini] kan, *satu* [1] bekas *gini* [begini] dia ikat. Dia panggil gemal lah. Cap bunga padi lah *dulu* [dahulu]. Lepas *tu* [itu] dia dinamakan Parti Negara. Satu *hok* [yang] Tunku Abdul rahman *ni* [ini] Parti Perikatan, *UMNO* [United Malays National Organization] lah. Mula-mula *takda* [tiada] *UMNO* [United Malays National Organization] lagi lah. Parti Perikatan *ni* [ini] di diketuai oleh Dato' Onn. *Nak nak nak* [hendak hendak hendak] mengundi *nak* [hendak] melawan lah *nak* [hendak] pilih kerajaan. Jadi, apa kalau macam *tu* [itu], Dato' Onn kata apa di mesyurat, dia kata kita *ni* [ini] tuntut merdeka tuntut merdeka untuk apa kata dia, untuk bebaskan orang putih sedangkan kita dia kata, orang Melayu kita sebiji jarum kita *tak* [tidak] boleh buat lagi kata dia. Orang Melayu masa *tu* [itu] jarum *nak* [hendak] buat *nak* [hendak] merdeka macam mana *tu* [itu]. Betul *dak* [tidak]? Logik kalau kita fikir *dak* [tidak] sampai sekarang Melayu *gapo* [apa] tahu. Maaf lah bukan *nak* [hendak] jatuh Melayu (ketawa). Jadi maaf *kecek ja* [cakap sahaja]. Pasal tanya pak

cik kena cerita. Untuk pengalaman *deh* [kan]. Betul *tak* [tidak]? Pada fikiran bodoh pakcik, betul jugak kata dia. Pasal kita *tak* [tidak] tahu *gapo* [apa] satu. Lepas *tu* [itu] jadi kucar-kacir lah. Patut kata tadi *tu* [itu]. Dia bahasa Inggeris jadi apa *ni* [ini] menteri kewangan, mana reti (ketawa).

- ZS : Habis macam mana dia boleh berundur apa Tun Onn berundur?**
- EI :** Dia kalah lah. Menang apa *ni* [ini] menang Tunku Abdul Rahman lah. Kira-kira *UMNO* [United Malays National Organization] menang lah. Macam *UMNO* [United Malays National Organization] dengan *PAS* [Parti Islam Se-Malaysia] lah kita kata lah. Parti menuntut merdeka. Macam *tu* [itu] lah lebih kurang macam *tu* [itu] lah. Umur-umur kita anak-anak Melayu *nak* [hendak] dengar merdeka *je* [sahaja] lah. Suka lah. Sokong Tunku Abdul Rahman lah. Menang Tunku Abdul Rahman. Lepas *tu* [itu], ubah *gitu gini dah* [begitu begini sudah] lama-lama ubah *nak* [hendak] mengundi balik lepas *tu* [itu] dah ikut bajet *ni tak* [ini tidak] padan apa *ni* [ini] parti *UMNO* [United Malays National Organization] tubuh parti *UMNO* [United Malays National Organization], United Malaysian Nation Organization. Nama orang putih lah, *UMNO* [United Malays National Organization] huruf singkat dia lah. Apa ni Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu nama melayu dia. Apa hal dia *tak* [tidak] bubuh lah nama bahasa melayu *dok* [kan].

Parti PAS, Parti Islam Semalaysia dak [tidak]. Ada juga makna. Ini UMNO [United Malays National Organization] bahasa orang putih ya *dok* [kan]. *Tak* [tidak] kena dah situ *so* [satu] (ketawa). Macam mana semua *tak* [tidak] kena (kewata).

- ZS : **Macam masa hari kemerdekaan *tu* [itu], pak cik ada mana?**
- EI : Pak cik *duk* [duduk] tengah *training* [latihan] lagi. *Tu* [itu] orang kata pak cik kena kawad di di Padang Seremban *tu* [itu]. Ada situ lah.
- ZS : **Perasaan masa *tu* [itu] pak cik? *Guano* [bagaimana] perasaan masa siapa *tu* [itu] Tunku Abdul Rahman *tu deh* [itu kan] melaungkan merdeka?**
- EI : Pak sebenarnya masa *tu takda* [itu tiada] apa-apa. *Takda* [tiada] apa-apa perasaan. *Takda* [tiada] apa orang kata kita gembira *nak* [hendak] merdeka ke apa, *takda* [tiada]. *Takda* [tiada] apa-apa perasaan. *Tak* [tidak] tahu lah (ketawa). *Takda* [tiada] apa mana-mana sebab kita entah lah. *Tak* [tidak] tahu *tak* [tidak] tahu. Kita kata aku Malaya *nak* [hendak] merdeka lah kata kan, kita patut ada gembira *dok* [kan], *takda* [tiada] pun satu macam biasa lah. *Takda nak nak* [tidak hendak] apa *takda* [tiada]. Kita tumpu pada kerja. Kemungkinan saya, pak cik *tak* [tidak] kerja kan, semangat juga lah kan. *Tapi* [tetapi] kita *dah* [sudah]

bekerja *dah takda* [sudah tiada] benda dah lah. *Tu* [itu] lah ceritanya.

ZS : **Kira macam lepas merdeka *tu* [itu] pak cik masih dalam tentera kan?**

EI : Masih dalam tentera lah. Pak cik tamat tentera pada tahun *lapan puluh satu* [81] daripada tahun *lima puluh tujuh* [57].

ZS : **Selepas merdeka *dah* [sudah] perang *dah* [sudah] kan?**

EI : *Takda dah* [tiada sudah] lah.

ZS : **Habis pak cik buat *gapo* [apa]?**

EI : Buat *training* [latihan] buat *exercise* [senaman]. Itu *je* [sahaja] kerja tentera.

ZS : **Lepas *tu takda* [itu tiada] masuk hutan semua lah?**

EI : Jadi masuk hutan, Sabah, Sarawak pula tahun *sembilan belas enam puluh tiga* [1963] konfrontasi Malaysia dengan Indonesia. Dekat sempadan *nuh* [sana]. Kalimantan utara duduk tempat sempadan *nuh*

[sana]. Berbulan-bulan pula.

ZS : **Dia kalau macam kalau Komunis *ni* [ini] dia bawa periuk api *je dok* [sahaja kan]. Kalau *Indon* [Indonesia] dia punya serang *tu itu* serang *lagu* [macam] mana?**

EI : Dia dia tidak serang *tapi* [tetapi] dia pasang lah. Dia pasang merata periuk api untuk- - - dia anggarkan jentera lalu dia dia pasang di situ *saja* [sahaja] lah. Dia *takda* [tiada] periuk api meletup entah mananya Komunis, dia tinggal bahan *tu* [itu] dia tinggal situ *je* [sahaja].

ZS : **Kalau *Indon* [Indonesia] dia serang?**

EI : Kalau Indonesia dia serang kita lah. Dia *nak* [hendak] hambat kita daripada tempat dia *tu* [itu] lah. Dia *nak* [hendak] Sarawak *tu* [itu]. Berperang lah. *Dah* [sudah] lah. Dia ceroboh masuk lah. Kalau kita *tak* [tidak] jaga kan, dia terlepas masuk payah lah kitanya. *Last* [akhir] sekali pada tahun berapa pak cik *ni* [ini] pak cik bertempur di Labis. Di Labis masa *tu* [itu] tentera Nasional Indonesia dia diketuai oleh Leftenan Suntikno. Dia pergi mana? Dia terjun di Labis dengan kapal terbang pada waktu *tu* [itu] pukul empat pagi dia terjun di Labis dengan *heli* [helikopter] dengan kapal terbang dia terjun pakai *parachute* [paying terjun] turun di Labis. Apa kala, turun di Labis kesilapan dia

dia pakai peta lama peta tahun *empat puluh lapan* [48] *ni* [ini] getah kan, hutan getah apa lah. Apabila dia *drop* [jatuh] sana *tu* [itu] di Labis *tu* [itu] kelapa sawit saja. Nanar *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] pergi. Terkejut. Itu berperang serupa koboi *tu* [itu]. Serupa John Wayne punya koboi *tu* [itu] (ketawa) (buat bunyi tembak- menembak) dalam kelapa sawit. Ber *kucar wokyoh* [kacau bilau] dalam kelapa sawit *tu* [itu]. Suka ingat sekali. Itu last sekali pakcik di Labis *tu* [itu]. Lepas *tu* [itu] tamat konfrontasi, habis la. Pakcik pun *nak* [hendak] tamat dah lah. *Last* [akhir] lah. Pak cik habis lah. Sarawak *dua* [2] kali pergi, Sabah *dua* [2] kali pergi juga lah. Pergi bertugas buat operasi lah. Jaga kawasan sana *tu* [itu]. Sempadan sana *tu* [itu]. Pak cik pengelas sekali pada tahun *tujuh puluh* [70]. Tahun *tujuh puluh* [70] di apa di daripada daripada Tawau balik ke balik ke kem tentera Seremban. Lepas *tu* [itu], daripada kem tentera Seremban pak cik pun buat permohonan minta *nak* [hendak] balik ke negeri Kelantan lah. Minta bertukar ke Pangkalan Chepa.

ZS : Masa pak cik duduk dekat Labis *tu* [itu] ya *dok* [kan], kahwin *dah* [sudah] lah?

EI : Kahwin *dah* [sudah]. Anak *dah* [sudah] ada dua tiga orang *dah* [sudah] masa *tu* [itu].

ZS : Macam masa pak cik *duk* [duduk] bertugas *tu* [itu], pak cik *tak* [tidak] pergi ke sana ke sini ya *dok* [kan], *family lagu* [keluarga macam] mana?

EI : Mak cik tinggal rumah lah di Guchil. Pak cik bertugas lah seorang di sana. *Dua belas* [12] tahun pak cik tinggal mak cik di rumah dengan anak-anak dia dengan anak-anak pak cik.

ZS : Balik sekejap-sekejap lah?

EI : Dekat *enam* [6] *tujuh* [7] bulan pak cik balik lah. Cuti *dua* [2] hari *tiga* [3] hati *gitu* [begitu] lah.

ZS : Masa *tu* [itu] dekat Kuala Krai *ni takda* [ini tiada] apa *deh* [kan]?

EI : *Takda* [tiada] apa lah. Selamat lah. Lagi pun tempat kita kan. Orang-orang dekat kan. *Takda* [tiada] hal. Orang-orang ramai lah. *Takda* [tiada] hal. Selamat kita selamat kira selamat lah. *Takda* [tiada] hal. *Tu je* [itu sahaja] lah. Lepas *tu* [itu] pada tahun *lapan puluh satu* [81] *tujuh puluh lapan* [78] lepas *tu* [itu] apa pak cik pun bersara lah habis.

ZS : Bersara, bersara awal ke memang *time nak* [masa hendak]

bersara?

EI : Dia di dalam tentera dia tidak kira umur. Dia kira perkhidmatan. Berertinya cukup *dua puluh satu* [21] tahun dia boleh pencen lah. Dia *tak* [tidak] kira umur. Dia kira perkhidmatan takat *dua puluh satu* [21] tahun.

ZS : Pak cik ni [ini] cukup *dua puluh satu* [21] tahun lah?

EI : Cukup *dua puluh satu* [21] tahun lah *tapi* [tetapi] masa *tu* [itu] boleh tambah lagi masa setahun setahun *gitu* [begitu] lah. Dia namakan perkhidmatan agong. Boleh sampai *tiga* [3] tahun ke *empat* [4] tahun. Kalau kita *nak* [hendak] bekerja lagi lah. Jadi pak cik *takda* [tiada] apa dalam *tiga* [3] tahun juga lah. Tambah lah. Tambah *tiga* [3] tahun lah sebabnya masa *tu* [itu] duduk Pangkalan Chepa *takda* [itu tiada] apa-apa lah. Pak cik jadi sebagai ketua jurulatih *ambil* [ambil] orang baru apa lah.

ZS : Pak cik balik sini lah?

EI : Pak cik balik sini lah. Kira *takda gapo* [tiada apa], pak cik *takda* [tiada] operasi *gapo* [apa] lah. Pak cik *relax je* [rehat sahaja] lah.

ZS : Pak cik duk [duduk] Pangkalan Chepa *tu* [itu], mak cik duduk sini lagi ke?

EI : Mak cik duduk sini lah.

ZS : *Tak* [tidak] pindah-pindah lah?

EI : *Tak* [tidak] pindah *dah* [sudah] lah. Pak cik seminggu sekali balik lah.
Hari Khamis pak cik balik lah, berulang.

ZS : Macam masa pak cik bertugas masa zaman perang *tu* [itu] gaji dia ada ke?

EI : Pak cik pak cik gaji masa *tu* [itu] ala pak cik *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] cerita lah murah lah (ketawa). Malu lah *nak* [hendak] cerita.

ZS : Berapa *tu* [itu] (ketawa)?

EI : Pak cik masa tahun *lima puluh tujuh* [57] pak cik, *sembilan puluh* [90] ringgit sebulan (ketawa). Bayangkan lah *sembilan puluh* [90] ringgit sebulan, gaji *nak* [hendak] hantar ke orang tua lagi *tapi* [tetapi] cukup, Alhamdulillah (orang bercakap). Cikgu lagi murah. Malu *nak royak* [hendak beritahu] dekat orang, orang kata. Sebab *loni* [sekarang ini]

budak *tubik* [keluar] *U* [universiti] gaji *tiga* [3] *empat* [4] ribu, jauh beza. (Ketawa). *Dulu* [dahulu] barang murah (bunyi pintu). *Sembilan puluh* [90], *sembilan puluh empat* [94] ringgit gaji pak cik. Masa pak cik *recruit* *enam puluh lima* [65] ringgit ke sebulan gaji. *Sembilan puluh empat* [94] ringgit *tu* [itu] pak cik dah habis *recruit*. Dah jadi orang lama sikit. Pak cik kerja, bila tahun-tahun dia naik lah. Tahun-tahun dia naik lah bonus dia naik lah. Sampai lah peringkat *empat ratus* [400] *lima ratus* [500] lah. *Tapi* [tetapi] lambat la. Dia naik tahun-tahun kan.

ZS : Masa pakecik duduk Pengkalan Chepa tu [itu] berapa gaji?

EI : Pak cik di Pengkalan Chepa *tu* [itu] gaji *tu dah* [itu sudah] *dua ribu* [2000] lah. *Dua ribu* [2000] lebih *dah* [sudah] la. Pasal pak cik pun *dah* [sudah] naik pangkat *dah* [sudah].

ZS : Masa pak cik bekerja dekat Pengkalan Chepa, pangkat apa?

EI : Pak cik pangkat Pegawai Waran *Dua* [2] dia panggil. Pegawai Waran *Dua* [2]. Dia kira jadi macam jurulatih lah. Merata lah *pah* [sampai] ke Dabong ambil TA kan, Tentera Wataniah kan, *pah* [sampai] ke Dabong, *pah* [sampai] ke Pahi, *pah* [sampai] ke macam merata lah ke

pergi ambil orang baru.

ZS : Pak cik pergi ambil orang?

EI : Ambil orang nak buat latihan lah

ZS : Orang tu [itu] macam baru *nak* [hendak] masuk ke?

EI : Baru *nak* [hendak] masuk lah. Siapa yang berminat kita ambil buat balik *training* [latihan] dia lah. Latihan asas tentera lah. Dia panggil tentera wataniah.

ZS : Masa tu [itu] dekat Pengkalan Chepa tu [itu] di mana?

EI : Pengkalan Chepa dekat Kem Pengkalan Chepa lah. Dekat padang kapal terbang. Dia ada kem sana *tu* [itu], kem askar dengan briged.

ZS : Masa waktu bertugas ada *tak* [tidak] pengalaman manis?

EI : Ada lah. Duduk *koya-koya* [berangan] (ketawa) minat kita *tu* [itu] angan-angan kita *tu* [itu], dapat pegawai, dapat apa *ni* [ini]. *Tapi* [tetapi] soal pegawai kita tidak angan-angan pasal pakcik *tak* [tidak] ada kelulusan tinggi. Cuma setakat pegawai pangkat rendah memang

ada lah angan-angan lah. Dapat sarjan ke sarjan mejar ke aku. Seboleh-boleh *gak* [nya] dapat cepat lah kita *ni* [ini]. Jangan sampai tua lah. Begitu lah (orang batuk). *Tapi* [tetapi] kebetulan pak cik cepat dapat lah. Muda lah *tapi* [tetapi] pak cik prebet lama. Daripada *tahun lima puluh tujuh* [57], tahun *enam puluh tiga* [63] baru pak cik dapat Lans. Koperal. Masa di Majidee Berek. Lepas *tu* [itu] tahun *enam puluh tiga* [63], tahun *enam puluh lima* [65], dapat Koperal. Tahun *enam puluh tujuh* [67], *enam puluh lapan* [68], setahun setahun lah. Dapat Pegawai Waran *Dua* [2]. Berhenti pencen Pegawai Waran *Dua* [2] lah sekarang ni. Boleh lah *relax* [rehat] sikit.

ZS : Masa bertugas apa pengalaman pahit pak cik?

EI : Pengalaman pahit pak cik nya, pak cik nyaris-nyaris lah, *tapi* [tetapi] pak cik topi tembus lah. Komunis kena juga lah. Pak cik naik batang, apabila naik batang *tu* [itu] turun, (buat bunyi tembakan) topi tembus. Kalau pak cik lambat sikit dalam masa setengah *second* [saat] pak cik *tak* [tidak] turun kan? Kena dahi. Mati.

ZS : Peluru ke?

EI : Peluru. Peluru komunis lah. Dia *nak* [hendak] tembak mat saleh belakang pak cik *ni* [ini] ketua platur. Jadi pakcik di depan dia duduk

belakang. Nama dia Leftenan Heodious. *Tak* [tidak] kena dia tinggi (ketawa). Jadi ada batang melintang lebih kurang macam *ni* [ini] kan saya pun naik sahaja batang *tu* [itu] kan, dia rupanya dia ada depan *tu* [itu], nama Ramu. India. Komunis *tu* [itu] duduk di Tapah. India *ni* [ini] dia putus asa dia, dia *nak* [hendak] minta pegawai masa dia SC [Special Constable] kan, *Special Constable* masa *tu* [itu], SC [Special Constable] duduk jaga estet, duduk jaga orang motong kan. Dia *tak* [tidak] boleh pergi pegawai, dia minta pegawai, dia *tak* [tidak] dapat pergi kan, lari masuk komunis, jadi ketua komunis. Apabila *tu* [itu] pak cik langkah batang *tu* [itu] kan, pak cik turun melangkah *tu* [itu] tembus topi. *Tu* [itu] baru masuk tentera *tu* [itu]. Macam *nak* [hendak] gila. *Tapi tak* [tetapi tidak] gila.

ZS : Pegawai orang putih itu?

EI : Pegawai *tu tak* [tu tidak] kena lah. Ya. *Allahuakhbar*. Kita baru masuk waktu *tu* [itu], *ambo* [saya] duduk di Tapah masa *tu* [itu].

ZS : Perit kena macam *tu* [itu]?

EI : *Tak* [tidak] boleh (ketawa) *nak* [hendak] cerita lah. Jadi kena dia, jadi mujur terbabas lah. Nasib baik (orang bercakap). Ya? Sarang dia *belako* [semua] lah *tu* [itu]. Lepas *tu* [itu] Sungai Siput, *tu* [itu] sarang

komunis *belako* [semua] lah tu. *Tak* [tidak] ada orang melayu *kat* [dekat] sini. Kalau di Pahang, kita kata di Teriang. Cina sahaja sahaja, dasyat lah. Itu lah kisah cerita dia.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENCAPAIAN

ZS : Sepanjang pak cik jadi tentera *ni* [ini] pangkat-pangkat yang pak cik dapat bermula daripada prebet?

EI : Bermula daripada Lans.Koperal, Koperal, Sarjan, Sarjan Mejari. Dia ada empat peringkat lah. *Tak* [tidak] *dan* [sempat] nak pegi pegawai waran satu lah. Tak [tidak], ada rezeki tu *kih* [sebab] rezeki setakat *tu* [itu] saja. Nak buat *guano* [macam-mana] biarlah. Setakat *tu* [itu] saja.

ZS : Beza pangkat-pangkat *tu* [itu] nya?

EI : Beza pangkat-pangkat *tu* [itu] nya di kira atas kuasa lah macam koperal, dia macam penolong seksyen *ni* [ini] lah, di bawah koperal, macam bawah koperal *ni* [ini] dia bawah sarjan. Satu platun *ni* [ini] ada seorang sarjan, penolong sarjan *ni* [ini] koperal, penolong koperal *ni* [ini] lans. Koperal. Ketua seksyen dia panggil. Macam pakcik kalau sarjan mejari *ni* [ini] dia *company* [kumpulan] lah. Dia jaga satu

company [kumpulan] tiga tiga platin *tu* [itu]. Dia kedudukan dia bawah bawah seorang ketua lah, mejar. Dia tadbir dia. Sarjan mejar *ni* [ini] dia tugas dia, disiplin, kebajikan, tadbir dalam company. Apa-apa sekali *gak* [pun], orang nak cuti ke, kebajikan satu lagi, empat tugas dia. Sarjan mejar punya tugas la *tu* [itu]. Orang nak cuti ke sakit ke bini dia bersalin kita nak lepas dia *free* [Lapang] cuti *tu* [itu] sarjan mejar punya tugas, pakcik punya tugas *belako* [semua] la *tu* [itu].

ZS : **Masa *tu* [itu] pak cik *dah* [sudah] bertugas di Pengkalan Chepa ke?**

EI : Pak cik bertugas *dah* [sudah] lah. Pakcik betugas *dah* [sudah].

ZS : **Macam pangkat-pangkat *tu* [itu] gaji nya berbeza ke?**

EI : Berbeza lah, berbeza koperal lain koperal, sarjan lain lah berbeza-beza lah.

ZS : **Apa pangkat pak cik waktu pak cik bersara?**

EI : Pegawai waran *dua* [2]. PW2 lah.

ZS : Sepanjang pak cik bertugas, adakah pak cik ada menerima pingat?

EI : Ada. Pingat apa nama *ni* [ini] eh *tak* [tidak] ingat lah ada rekod, ada *tak* [tidak] bawa, pak cik ada rekod. Ingat dia panggil G, George Medal apa nama *ni* [ini] kita kena pakai lah. Yang dia pakai dekat dada *tu* [itu]. Yang berlapis lapis *tu* [itu]. *Tu* [itu] pingat dia lah *tu* [itu]. Pingat apa nama *ni* [ini], pingat Perkhidmatan Setia, perkhidmatan terbaik, ada cemerlang, ada lah *tu* [itu] dia bagi lah

ZS : Pingat itu diberi sewaktu pak cik masih bertugas?

EI : Ya, semasa bertugas. Kita disiplin baik. Ada lah dalam *dua* [2] *tiga* [3] pingat pak cik dapat.

ZS : Adakah pak cik ada mendapat darjah kehormatan sepanjang pakcik bertugas?

EI : *Tak* [tidak] ada. *Tak* [tidak] ada dapat darjah kehormatan lah. Dia peringkat bawah *tu sahaja* [itu sahaja] lah.

ZS : Seperti yang pak cik katakan tadi, ada tentera yang terkorban,

bagaimana dengan *family* [keluarga] mereka?

EI : *Family* [keluarga] dia, dia dapat elau dia gaji *hok* [yang] untuk suami dia pergi ke dia lah. Kerajaan bagi ke dia lah. Dapat pencen ke dia.

ZS : Kalau sebagai tanda peringatan untuk pengorbanan dia tu?

EI : Dia bagi lah macam pingat Perkhidmatan Setia, dia panggil. Dia ada _ _ _ ada_. Bagi kenangan kan untuk simpanan dia. Dia adalah.

ZS : Siapa yang memberikan pingat tersebut?

EI : Jeneral lah. Dia buat satu perbarisan, pergi terimalah balu dia *tu* [itu].

ZS : Bila perbarisan *tu* [itu] diadakan?

EI : Dia buat, dia *tak* [tidak] tentu masa lah. Tengok keadaan, masa, sekali sebulan ke enam bulan ke dia panggil balik. Dia panggil pergi dekat kem lah terima. Dengan perbelanjaan tentera lah. Dia pergi *free* [percuma] *saja* [sahaja] lah. Tempat-tempat duduk *gapo* [apa], semua sekali atas dia *belako* [semua]. Atas tentera *belako* [semua]. *Arrangement* [pengurusan] semua tu [itu].

ZS : Setelah mendapat penghargaan, apa perasaan pak cik pada ketika itu?

EI : Suka lah (ketawa). Megah lah (ketawa).

ZS : Boleh pak cik gambar kan perasaan pak cik lagi?

EI : Kita rasa macam satu kejayaan besar lah pada kita orang bawah *ni* [ini] kan.

ZS : Adakah pingat itu susah untuk di peroleh?

EI : Susah jugak *nak* [hendak] dapat. Dia *nak* [hendak] kena banyak lah, tatacara cara disiplin kita, pakaian kita, dengan tugas kita, dengan apa nama pengalaman kita, dengan kursus kita *gapo* [apa] benda ada. Kita *nak* [hendak] semua tahu *tu* [itu], senjata, tentu kawad, banyak cerita jugak lah. *Nak* [hendak] boleh ke dapat *tu* [itu] kena ada pengalaman luas lah. Pendek kata orang yang boleh bercakap lah. Orang yang boleh bercakap berkenaan dengan apa, berkenaan hal disiplin. Hal *anu-anu* [dialek Johor]. Baru boleh.

ZS : Setelah bersara, apakah keistimewaan yang di peroleh oleh bekas-

bekas prajurit?

EI : Ada. Yang sekarang *ni* [ini] veteran bekas tentera Malaysia. *Hok baru ni* [Yang hari itu] ada. Diaorang bagi lah bonus ke kita. Bonus la duit. Bonus.

ZS : Kalau rawatan di hospital ke apa ke macam mana?

EI : Kalau hospital. Pak cik masuk hospital *free* [percuma] lah. Macam kena duduk kelas satu *ni* [ini] *tak* [tidak] ada bayar apa-apa lah.

ZS : Percuma sampai bila-bila ke?

EI : Ya. Dia ada kad. Dia bagi kad ke kita. *Authority* [keutamaan] dia panggil. Ada kad pak cik *tu* [itu]. Ada dia bagi kad. Kita masuk hospital *ni* [ini] kita serah kad, orang hospital tahu lah. Pak cik terkandas dua hari juga pasal *tak* [tidak] ada tempat kan. *Tak* [tidak] apa lah nak buat macam mana kan. Kira *free* [percuma] lah semua. *Tak* [tidak] payah bayar apa.

ZS : Di antara pingat-pingat yang pak cik dapat *tu* [itu], manakah antara yang paling menggembirakan pakcik?

EI : Perkhidmatan setia pak cik.

ZS : **Perkhidmatan setia *tu* [itu] kerana pakcik pergi perang ke?**

EI : Ya perang *tu* [itu], disiplin pak cik terbaik lah, itu yang pak cik gembira sangat *tu* [itu].

ZS : **Adakah ganjaran jika pakeik dapat menangkap atau menembak musuh depan-depan?**

EI : *Tak* [tidak] ada bagi hadiah apa. *Tak* [tidak] ada hadiah apa

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENDAPAT DAN PANDANGAN

ZS : Saya *nak* [hendak] tanya pendapat dan pandangan pak cik. Pak cik *dah* [sudah] rasa dah zaman susah, zaman darurat *dulu* [dahulu] dengan zaman sekarang kan. Apa yang boleh pak cik katakan tentang perbezaan *dulu* [dahulu] dan sekarang?

EI : Perbezaan *dulu* [dahulu] dan sekarang perbezaannya, pemikiran pak

cik *tu* [itu] tenang. Sebab? Sebab macam mana, kita *dah* [sudah] habis tugas kan, lapang selapang lapang lapang, *tak* [tidak] ada *nak* [hendak] fikir apa *dah* [sudah]. Kalau kita dalam, masa *tu* [itu] macam berada dalam pangkat pak cik kan, kita *susuk* [sorok] sikit fikiran kita sebab banyak tanggungjawab yang kita *nak* [hendak] jaga. Kena *cara* [ambil tahu] kebajikan orang-orang bawahan kita. Kadang-kadang ada setengah orang *tu* [itu] kan, dia *nak* [hendak] pegi jumpa kita, encik dia kata orang perempuan saya *nak* [hendak] bersalin lah. Kita terpaksa kena buat kebajikan *tu* [itu]. Kita terpaksa kena bagi lepas dia pergi *tu* [itu]. Itu bini dia *nak* [hendak] bersalin. Kita terpaksa beri. Jalan-jalan kita kena bagi cuti, rekod cuti dia kita kena ada. Banyak perkara yang kita *nak* [hendak] buat. Jadi serabut sikit la. Ketika *ni* [ini] tak serabut mana la. Jadi ada banyak benda *nak* [hendak] fikir. Lepas *tu* [itu] berkenaan latihan, latihan pak cik kena buat juga. *nak* [hendak] *round* [ronda] orang berkawad, orang berlatih semua *tu* [itu], *tak* [tidak] duduk pejabat terus, *tapi* [tetapi] ada pejabat, dengan kerani, dengan telefon, macam pejabat biasa lah, macam pegawai-pegawai biasa lah. Dengan kerani *tapi* [tetapi] bukan perempuan lah, lelaki (ketawa).

ZS : Bagaimana pula dengan kehidupan *dulu* [dahulu] dengan *loni* [sekarang]?

EI : Senang *loni* [sekarang] lah (ketawa), *loni* [sekarang] kita bebas *nak*

[hendak] pergi mana dulu kita *tak* [tidak] boleh bebas, nanti tunggu cuti baru boleh kita pergi mana-mana kan. *Loni* [sekarang] bebas *dah* [sudah]. *Relax* [tenang].

- ZS : Apa beza rakyat *dulu* [dahulu] dengan sekarang?**
- EI : Rakyat dulu dengan sekarang *ni* [ini], pakcik rasa perbezaan yang paling jauh. Boleh kata macam *ni* [ini] lah, cakap bodoh kita kata kan, orang *dulu* [dahulu] dia undang-undang dia ikut, dia dengar, nasihat orang-orang dia dengar. Orang sekarang *ni* [ini], dia cerdik, dia *tak* [tidak] dengar orang, betul *tak* [tidak]? Begitulah boleh kata nya. *Nak* [hendak] cakap lebih lagi *tu tak* [itu tidak] boleh lah. Boleh kata begitu lah.
- ZS : Sebagai seorang tentera, apa pandangan pak cik dengan generasi sekarang *ni* [ini] yang nak menyertai tentera?**
- EI : Pandangan pak cik sendiri? Pandangan pak cik sendiri, budak budak *loni* [sekarang] *tak* [tidak] boleh jadi lah. Hancur. Untuk masa akan datang, *dua puluh* [20] tahun yang akan datang kita *tak* [tidak] jadi apa satu. Kalau tengok keadaan suasana masa *ni* [ini], kaum muda sekarang *ni* [ini] kan, *dua puluh* [20] tahun, *nak* [hendak] tahu tercapai ke tidak, apa *ni* [ini] yayasan dua puluh dua puluh [2020] *ni* [ini], pakcik rasa *tak*

[tidak] tercapai. Tengok keadaan suasana *loni* [sekarang]. Betul *tak* [tidak]? *Tapi* [tetapi], berbanding dengan kaum muda *dulu* [dahulu], memang tercapai. Betul *tak* [tidak]?

ZS : Pak cik rasa yang jadi tentera sekarang *ni* [ini], macam mana dengan prestasi kerja, cara kerja mereka?

EI : Dia (bunyi telefon) sekarang *ni* [ini] tentera *dulu* [dahulu], kita boleh buat dengan secara betul-betul dengan disiplin apa. Sekarang *ni* [ini] *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] buat kuat. *Tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] jentik, *tak* [tidak] boleh marah, *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] maki *tak* [tidak] tentu *kalu* [pasal].

ZS : Kalau *dulu* [dahulu] macam mana?

EI : Kalau *dulu* [dahulu] pijak-pijak. Kita menembak latihan menembak kan, *tak* [tidak] masuk dalam sasaran kita tembak kan jurulatih pijak belakang *ni* [ini] (buat bunyi mengerang) pijak selagi kena. *Loni* [sekarang] *tak* [tidak] boleh buat *lagu* [macam] *tu* [itu], polis mari ambik *statement* [keterangan]. Dah macam mana *nak* [hendak] buat kerja macam *tu* [itu]? *Tu* [itu] lah perbezaan dia.

ZS : Bagi pak cik, macam mana *nak* [hendak] tingkatkan prestasi tentera sekarang?

EI : Ubah suasana lah, jangan jangan jangan, keluar dari politik. Jangan campur aduk. Buat atas dasar apa *ni* [ini], sekarang *ni* [ini] jeneral *tak* [tidak] ada kuasa, patung bernyawa dia panggil jeneral. Apa dia berani bercakap. Serupa juga agung, berani cakap apa? *Tak* [tidak] berani bercakap. Dah *nak* [hendak] buat kerja macam mana. Polis? Ketua Polis Negara *tak* [tidak] berani bercakap, itu sebab jenayah melampau banyak sekarang *ni* [ini]. Sebab? *Ni nak* [ini hendak] pegi ke politik. (Ketawa) Pakcik *toksey* [taknak] bahagian politik *ni* [ini]. Dari pengaruh. Betul *tak* [tidak]?_ _ _ orang *tak* [tidak] ada pengaruh. Kalau *tak* [tidak] ada pengaruh, pecah periuk nasi dia.

ZS : Kalau dari segi latihan tentera sekarang *ni* [ini] apa yang pak cik rasa?

EI : Dari segi tentera kalau *dulu* [dahulu] pak cik puji sekarang *tak* [tidak] boleh *dah* [sudah]. Kendur macam tali layang-layang (ketawa). Jauh benar perbezaan dia.

ZS : Akhir kata dari pak cik. Sebagai seorang yang tahu bezanya *dulu*

[dahulu] dan sekarang.

EI : Pak cik harap, kita minta ubah, kerajaan ubah dasar lah. Untuk memberatkan kepada menjaga disiplin rakyat lah. Itu ya, satu kejayaan yang besar *ni* [ini] jaga disiplin rakyat *ni* [ini]. Jangan *dok* [di] lepas *tak* [tidak] tentu *kalu* [hala] macam *tu* [itu]. Mudah-mudah macam *tu je* [itu sahaja] lah. Kita mesti ambil tindakan yang berat kepada rakyat *ni* [ini]. Untuk *nak* [hendak] bentuk rakyat *ni* [ini] sebagai *nak* [hendak] bagi kejayaan satu generasi kita, generasi akan datang kita *ni* [ini]. Kalau tidak macam mana *nak* [hendak] harapkan, macam pak cik *ni* [ini] kan *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] berjasa dah. Kalau tidak ada generasi *hok loni* [yang sekarang] kan? Untuk *nak* [hendak] memaju kan Negara kita kan. Apa kata kita dah *punoh* [rosak] generasi *hok ada lo ni* [yang ada sekarang ni] untuk *nak* [hendak] maju, siapa lagi *nak* [hendak] pegang Negara kita? Punah ranah habis lah. *Tak* [tidak] kan kita rela ke orang lain mari *nak ambik* [hendak ambil] tempat Negara kita. Pertahan kita daripada British, daripada Komunis, daripada Jepun, pertahan Negara kan, tiba-tiba orang mari ambil disebabkan apa? *Dek* [oleh] kerana kelemahan kita. Betul *tak* [tidak]? Nampak *tak* [tidak]? Kelemahan kita. Jadi pak cik harap dapat semua sekali daripada orang, orang kita baiki lah cara tata hidup dalam Negara kita *ni* [ini] untuk hidup kaum muda- kaum muda kita. Macam mana kita *nak* [hendak] bagi semangat ke dia untuk mempertahan kan Negara dia. Satu disiplin. Disiplin *ni* [ini] satu yang amat baik bagi individu manusia. Pakcik

harap begitu lah. Tapi macam pakcik *ni* [ini] *tak* [tidak] *dan* [sempat] dah la. *Tapi* [tetapi] untuk anak cucu cicit *tu* [itu] lah. *Tapi* [tetapi] menduka cita lah kalau kita gagal. Itu lah pandangan pakcik. *Okay dah* [baik sudah].

- ZS : Itu sajalah yang saya *nak* [hendak] tanya pak cik. Saya *nak* [hendak] ucapkan terima kasih lah kepada pak cik kerana sudi bekerjasama, sudi bercerita pengalaman pak cik *ni* [ini] yang boleh di katakan payah *nak* [hendak] jumpa orang yang boleh bercerita pengalaman zaman dulu *ni* [ini]. *Nak* [hendak] cerita *nak* [hendak] ingat balik benda-benda semua *tu* [itu] payah lah. Sepatutnya benda *ni* [ini] *nak* [hendak] kena ada untuk generasi kita *ni* [ini] untuk tahu cerita *ni* [ini].
- EI : Sama sama. Mudah-mudahan. Ingat pesanan pakcik esok mana tahu jadi pegawai. Kena ingat *tu* [itu].

TAMAT BAHAGIAN 4

RUJUKAN

Ismail Muhamad. Tape recording interview. 17 Apr. 2014.

Sejarah Tentera Darat. (n.d.). *Sejarah Tentera Darat*. Retrieved 15 May, 2014, from
<http://army.mod.gov.my/index.php/mengenai-kami/sejarah/sejarah-tentera-darat>

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Noor Afizah dan Zati Syazwani telah menemubual Encik Ismail Bin Muhamad, yang dilahirkan pada 1938, di Kuala Krai, Kelantan. Temubual dijalankan di Hospital Kuala Krai, Kelantan mengenai pengalaman beliau sepanjang penglibatan beliau dalam bidang ketenteraan ini sebelum kemerdekaan.

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|-----------------------------------------|--------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG | | |
| 00:33 | Latar belakang tokoh | <ol style="list-style-type: none">1. Kuala Krai, Kelantan2. Kampung Ketereh, Kota Bharu3. Kampung Baru Ghucil, Kuala Krai4. Sekolah Kebangsaan Kuala Krai |
| 9:44 | Latar belakang isteri tokoh | <ol style="list-style-type: none">1. Che Rahmah2. Kampung Baru Ghucil |
| 14:15 | Matlamat dan prinsip penglibatan ketenteraan | <ol style="list-style-type: none">1. Ketegasan dan kepercayaan diri |
| BAHAGIAN 2: MENGENAI KETENTERAAN | | |
| 15:16 | Maksud ketenteraan | <ol style="list-style-type: none">1. Menjaga keamanan negara |
| 16:01 | Penglibatan dalam bidang ketenteraan | <ol style="list-style-type: none">1. Taiping, Perak |
| 17:12 | Sebelum melibatkan diri dalam bidang ketenteraan | <ol style="list-style-type: none">1. Kerja kuli |

| | | |
|-------|---------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 17:28 | Proses pengambilan anggota tentera | 1. Perak 2. Tawaran |
| 19:38 | Latihan di dalam ketenteraan | 1. Port Dickson 2. Cara disiplin 3. Latihan |
| 20:44 | Tugasan pertama menjadi tentera | 1. Afrika 2. Tapah, Perak 3. Teluk Intan, Perak 4. Bidor, Perak 5. Air Kuning, Perak 6. Keroh (sekarang dikenali sebagai Pengkalan Hulu), Perak 7. Batu Lima, Mentakab, Pahang 8. Congo (sekarang dikenali sebagai Zaire) |
| 24:45 | Perselisihan faham di Congo, Afrika | 1. Permerintahan Belgium 2. Presiden Lumumba 3. Malaya 4. Afrika 5. Tunku Abdul Rahman 6. Presiden Lumumba 7. Bangsa Belgium |
| 27:06 | Tempat yang ditempatkan semasa tinggal di Congo, Afrika | 1. Kem tentera 2. Rumah-rumah pelarian 3. Airport 4. Dalam Bandar 5. Rumah-rumah tinggal |
| 27:51 | Cara-cara anggota tentera dikendalikan | 1. Pasukan/company 2. Platoon 3. Batalion |

| | | |
|-------|------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | 4. Prebet 5. Headquarters 6. Section 7. Organization 8. Koperal 9. Lans Koperal |
| 29:06 | Selepas pulang dari Congo, Afrika | 1. Majidee, Johor |
| 29:40 | Ditugaskan di mana semasa penjajahan Komunis | 1. Tapah, perak 2. Mentakap |
| 30:02 | Cara serangan daripada Komunis | 1. Menghambat 2. Komunis 3. Cina 4. Malaysia |
| 32:32 | Bagaimana cara kehidupan semasa penjajahan tentera Komunis | 1. Ketakutan |
| 33:08 | Sebab mengapa Komunis benci dengan British | 1. Tunku Abdul Rahman 2. Cheng Ping 3. Rashid Maidin 4. Parti Komunis Malaya 5. Baling 6. Bangkok 7. Malaysia 8. Indonesia 9. Kalimantan Utara Kalimantan Selatan, Sarawak 10. Miri, Sarawak 11. Bung Soekarno |

| | | |
|-------|------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| 37:03 | Senjata yang digunakan semasa peperangan | 1. Meriam 2. Mortar 3. Riffle |
| 37:24 | Bagaimana anggota tentera menghubungi orang luar | 1. Menggunakan radar 2. Pengintip rahsia 3. Wireless |
| 40:22 | Rupa bentuk alat komunikasi | 1. Radio |
| 40:45 | Anggota yang tercedera disebabkan terkena periuk api | 1. Sintok 2. Periuk api/jerangkap samar 3. Koperal Mat 4. Komunis |
| 41:50 | Keadaan jerangkap samar diletakkan | 1. Di tepi kawasan 2. Gali dan ditambus 3. Tanam wayar 4. Letak bawah kayu |
| 43:48 | Cara yang digunakan untuk mengambil mayat-mayat yang telah meninggal dunia | 1. Helikopter |
| 44:00 | Cara yang digunakan untuk menanggil helikopter | 1. Wireless |
| 44:06 | Cara yang dilakukan untuk membawa pulang mayat yang hancur disebabkan terkena periuk api | 1. Kutip serpihan organ badan 2. Sembayangkan |
| 45:01 | Pengalaman yang hamper-hampir | 1. Mesti ada perasaan syak was sangka |

| | | |
|-------|--------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | terkena periuk api | |
| 47:28 | Bentuk periuk api yang digunakan | 1. Dalam buluh 2. Dalam periuk |
| 47:40 | Cara pembuatan periuk api | 1. Kilang 2. Buatan sendiri 3. Tin susu 4. Botol 5. Komunis |
| 48:55 | Peralatan lain yang digunakan selain periuk api | 1. Belantik 2. Jerat kijang 3. Lembing |
| 50:39 | Pandangan tentang kekejaman antara British dan Komunis | 1. Komunis 2. Jepun 3. British |
| 52:46 | Keadaan semasa pemerintahan Jepun, British dan Komunis | 1. Jepun 2. Rakyat menderita 3. Komunis 4. Minta makanan 5. Ganggu air dan makan 6. Rampas padi, ayam 7. Rogol 8. British 9. Malaysia 10. Pesuruhjaya Tinggi Malaysia 11. J. W. W. Birch 12. Dato' Maharajalela 13. Kelantan 14. Tok Janggut 15. Perak |
| 57:03 | Penerangan tentang Rosli Dhobi | 1. Komunis 2. Manaf Jepun |

| | | |
|---------|-----------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | 3. Abdullah CD 4. Pahang 5. Jepun |
| 57:48 | Tempoh Komunis menyerang Malaya | 1. Sembilan tahun |
| 58:30 | Sejarah Malaya dijajah oleh negara luar | 1. British 2. Jepun 3. Hiroshima 4. Nagasaki 5. Malaya 6. Malaysia 7. Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur 8. Dataran Merdeka 9. Persuruhjaya Tinggi Malaysia 10. Sir Henry Gurney 11. British 12. Malaya Union 13. Dato' Onn 14. Tunku Abdul Rahman 15. Parti Nagara 16. Parti Perikatan 17. Cap kapal layar 18. Gemal Padi 19. UMNO 20. Melayu |
| 1:03:15 | Punca Dato' Onn berundur | 1. Tunku Abdul Rahman lah 2. PAS 3. UMNO 4. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu |

| | | |
|---------|---------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | 5. Parti Islam Semalaysia |
| 1:04:34 | Lokasi yang ditugaskan semasa kemerdekaan diumumkan | 1. Padang Seremban |
| 1:05:46 | Aktiviti yang dilakukan selepas taman zaman peperangan | 1. Latihan 2. Senaman 3. Masuk hutan 4. Sabah 5. Sarawak 6. Malaysia 7. Indonesia |
| 1:05:52 | Kerja lain yang dilakukan selain daripada latihan dan senaman | 1. Kalimantan utara |
| 1:06:10 | Cara serangan daripada Indonesia | 1. Periuk api 2. Komunis 3. Sarawak 4. Indonesia 5. Tentera Nasional Indonesia 6. Leftenant Suntikno 7. Labis 8. John Wayne |
| 1:08:08 | Tempat yang ditugaskan selepas di Sarawak | 1. Sabah 2. Tawau 3. Kem tentera Seremban 4. Kelantan 5. Pengkalan Chepa |
| 1:09:03 | Keadaan keluarga semasa ditugaskan di | 1. Ghucil |

| | tempat orang | |
|---------|--------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1:09:27 | Keadaan di Kuala Krai semasa peperangan | 1. Selamat 2. Pencen 3. Bersara |
| 1:09:52 | Sebab bersara dari bidang ketenteraan | 1. Perkhidmatan 2. Pencen |
| 1:10:14 | Tempoh perkhidmatan sebagai seorang tentera | 1. Perkhidmatan agong 2. Pengkalan Chepa |
| 1:11:02 | Bayaran gaji semasa berkhidmat sebagai tentera | 1. Sembilan puluh ringgit 2. Dua ribu |
| 1:12:34 | Jawatan semasa bertugas di pengkalan Chepa | 1. Pegawai Waran Dua 2. Dabong 3. Tentera Wataniah 4. Pahi 5. Kem Pengkalan Chepa |
| 1:13:25 | Pengalam manis semasa bertugas sebagai seorang tentera | 1. Sarjan 2. Sarjan Mejar 3. Prebet 4. Lans. Koperal 5. Majidee Berek 6. Pegawai Waran Dua |
| 1:14:43 | Pengamalan pahit sebagai seorang tentera | 1. Komunis 2. Peluru 3. Leftenan Heodious 4. Ramu 5. India 6. Tapah 7. Teriang 8. Cina |

| BAHAGIAN 3: PENCAPAIAN | | |
|-------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1:17:07 | Pangkat yang disandang semasa bergelar tentera | <ol style="list-style-type: none"> 1. Lans.Koperal 2. Koperal 3. Sarjan 4. Sarjan Mejar. |
| 1:17:28 | Beza antara pangkat-pangkat tersebut | <ol style="list-style-type: none"> 1. Koperal 2. Penolong seksyen 3. Sarjan 4. Penolong sarjan 5. Koperal 6. Penolong koperal 7. Lans. Koperal 8. Ketua 9. Sarjan Mejar |
| 1:18:50 | Pangkat terakhir yang disandang sebelum bersara | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai Waran Dua |
| 1:18:58 | Pangkat yang diterima sepanjang bergelar seorang tentera | <ol style="list-style-type: none"> 1. Perkhidmatan Setia 2. perkhidmatan terbaik 3. Cemerlang |
| 1:20:21 | Pingat yang diberikan kepada anggota tentera yang terkorban dan pemberi pingat tersebut | <ol style="list-style-type: none"> 1. Perkhidmatan Setia 2. Jeneral |
| 1:22:18 | Keistimewaan yang ada pada bekas prajurit | <ol style="list-style-type: none"> 1. Malaysia 2. Bonus 3. Hospital |

| | | |
|-------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1:23:17 | Pingat yang diterima menjadi kegembiraan sehingga sekarang | 1. Perkhidmatan setia |
| BAHAGIAN 4: PENDAPAT DAN PANDANGAN | | |
| 1:24:09 | Pendapat tentang kehidupan zaman sekarang dan zaman dahulu | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tenang 2. Tanggungjawab 3. Pejabat 4. Bebas 5. Undang-undang |
| 1:26:40 | Pandangan tentang generasi muda yang ingin menyertai tentera | <ol style="list-style-type: none"> 1. Kaum muda |
| 1:27:36 | Prestasi kerja zaman dahulu dan sekarang | <ol style="list-style-type: none"> 1. Disiplin 2. Pijak-pijak 3. Polis |
| 1:28:36 | Cara bagaimana ingin meningkatkan prestasi kerja | <ol style="list-style-type: none"> 1. Ubah suasana 2. Jeneral 3. Ketua Polis Negara 4. Politik |

SENARAI SOALAN

LATAR BELAKANG

1. Apakah nama penuh encik?
2. Apakah nama panggilan encik dalam kalangan keluarga?
3. Apakah nama panggilan encik dikalangan rakan-rakan?
4. Berapakah umur encik sekarang?
5. Bilakah encik dilahirkan?
6. Dimanakah encik dilahirkan?
7. Encik tinggal bersama siapa sekarang?
8. Sebelum encik tinggal di rumah encik yang sekarang, encik tinggal di mana?
9. Apakah ibu bapa encik masih ada?
10. Siapakah nama bapa encik?
11. Siapakah nama ibu encik?
12. Ibu bapa encik asal dari mana?
13. Apakah pekerjaan ibu bapa encik?
14. Boleh encik ceritakan sedikit latar belakang ibu bapa encik?
15. Berapakah bilangan adik-beradik encik?
16. Encik anak keberapa dalam keluarga?
17. Daripada bilangan adik-beradik encik, berapa orang lelaki dan berapa orang perempuan?
18. Bolehkah encik cerita mengenai kehidupan kanak-kanak encik dahulu?
19. Di manakah pendidikan awal encik?
20. Adakah encik bergiat aktif menyertai activity atau persatuan ketika bersekolah dahulu?
21. Adakah encik masih ingat pengalaman manis ketika bersekolah dahulu?
22. Bagaimana pula dengan pengalaman pahit?
23. Apakah pengajian tertinggi encik?
24. Apakah yang encik lakukan selepas SPM?

25. Apakah cita-cita sebenar encik?
26. Bilakah encik mendirikan rumah tangga?
27. Siapakah nama isteri encik?
28. Berapakah umurnya sekarang?
29. Adakah isteri encik bekerja?
30. Adakah isteri encik pilihan sendiri atau keluarga?
31. Bagaimana encik berkenalan dengan isteri encik?
32. Isteri encik asal dari mana?
33. Berapakah bilangan anak encik?
34. Ada atau tidak anak encik yang sudah berkahwin?
35. Adakah anak encik mengikut jejak encik menyertai bidang ketenteraan?
36. Siapakah idola encik dalam bidang ketenteraan?
37. Apakah matlamat hidup encik?
38. Ada apa-apa prinsip yang encik pegang selama ini?
39. Adakah sebelum ini encik pernah ditemu ramah?
40. Jika ada siapa yang menemuramah encik?

PENGALAMAN BEKERJA

41. Bagi encik, apakah yang dimaksudkan dengan tentera itu sendiri?
42. Bagaimana encik boleh menyertai bidang ketenteraan
43. Adakah orang yang mendorong encik untuk menyertai bidang ini?
44. Apakah pekerjaan encik sebelum menyertai bidang tentera?
45. Adakah encik berpuas hati dengan pekerjaan encik sebelum ini?
46. Adakah encik lebih gemar dengan pekerjaan encik yang dulu atau kerjaya encik sebagai tentera?
47. Sejak bila encik menyertai bidang ketenteraan
48. Berapa umur encik ketika itu?
49. Pada waktu itu berapa umur yang layak untuk menyertai tentera?
50. Adakah encik menyertai bidang ketenteraan kerana minat atau atas sebab lain?

51. Sebelum dapat bertugas sebagai tentera, adakah encik ada menjalani apa-apa latihan ketenteraan?
52. Berapa lama latihan tersebut?
53. Dimanakah tempat pertama encik ditugaskan sebagai tentera
54. Berapa lama encik berada di sana?
55. Apakah misi encik ketika di hantar ke sana?
56. Adakah encik ke sana bersama keluarga?
57. Semasa di sana di manakah encik tinggal?
58. Pada waktu itu apakah jawatan yang di sandang oleh encik?
59. Berapa orang dalam pasukan yang di tugaskan di sana?
60. Bolehkah encik menceritakan pengalaman encik sewaktu betugas sebagai tentera menentang tentera komunis dahulu?
61. Bagaimana kehidupan rakyat ketika itu?
62. Pada ketika itu apakah bentuk senjata yang di gunakan untuk menentang mereka?
63. Bagaimana pula cara anggota tentera pada waktu itu berlindung dan melindungi diri dari diserang musuh?
64. Adakah misi yang memerlukan encik dan pasukan tinggal di dalam hutan?
65. Bagaimana cara hidup dalam hutan, makan, tidur?
66. Adakah encik pernah berdepan dengan perangkap samara tau periuk api
67. Bagaimana encik mengelak dari terkena periuk api?
68. Pada waktu encik bertugas adalah ahli kumpulan atau kenalan encik yang terkena periuk api?
69. Apa yang terjadi kepada mereka?
70. Adakah antara mereka yang terkorban?
71. Apakah yang encik lakukan ketika itu?
72. Apakah yang dilakukan oleh komunis jika tertangkap?
73. Bagaimakah cara serangan yang di gunakan oleh komunis?
74. Bagaimakah tentera melayu menjangka serangan komunis?
75. Bagaimana mereka menghantar isyarat?
76. Apakah alat atau cara yang digunakan untuk tentera berkomunikasi?

77. Apakah beza waktu pemerintahan komunis dengan british?
78. Adakah tentera british kejam seperti komunis?
79. Boleh encik ceritakan apa beza pemerintahan jepun, komunis dan british
80. Berapa lama kah komunis menawan Malaya?
81. British pula?
82. Sewaktu pemerintahan british, dimana encik di tugaskan?
83. Apakah misi encik pada waktu itu?
84. Di manakah keluarga encik pada waktu itu?
85. Bagaimana penerimaan keluarga encik bila encik menyertai bidang tentera?
86. Apabila Malaysia mendapat kemerdekaan adakah encik masih bertugas?
87. Apakah tugas encik apabila perang tamat?
88. Pada waktu itu bagaimana gaji yang diberikan kepada tentera?
89. Apakah pengalaman manis encik sepanjang bertugas sebagai tentera
90. Bagaimana pula dengan pengalaman pahit?

PENCAPAIAN

91. Dari awal encik bertugas sebagai tentera sehingga encik bersara, apakah pangkat yang telah encik sandang?
92. Apakah beza pangkat-pangkat tersebut?
93. Pada tahun berapakah encik bersara?
94. Encik bersara dengan pangkat apa?
95. Adakah encik ada menerima pingat atau darjah kehormatan sebagai prajurit Negara?
96. Siapakah yang member penghargaan?
97. Apakah perasaan encik apabila menerima penghargaan itu?
98. Sebagai pesara prajurit adakah encik di beri apa-apa keistimewaan?
99. Semasa menerima penghargaan, adakah pengalaman yang tak dapat dilupakan?

PENDAPAT DAN PANDANGAN

100. Encik telah merasai zaman yang berbeza. Apakah yang boleh encik katakan perbezaan zaman dahulu dan zaman sekarang?
101. Sebagai seorang pesara tentera, apa pandangan encik bagi generasi kini untuk menyertai tentera?
102. Apakah yang boleh encik katakana tentang tentera dahulu dan sekarang?
103. Pada pendapat encik bagaimana perasaan tentera sekarang?
104. Bagaimana cara untuk meningkatkan prestasi tentera sekarang?

INDEKS

A

Afrika, 83, 84

B

Belantik, 85

Belgium, 83

British, 1, 84, 85, 86

Bung Soekarno, 84

C

Cheng Ping, 84

Company, 83

Congo, 83, 84

D

Dataran Merdeka, 86

Dato' Maharajalela, 86

Disiplin, 83

G

Ghucil, 82, 88

H

Hiroshima, 86

I

India, 89

Indonesia, 84, 87, 88

Islam, 87

J

- J. W. W. Birch, 86
Jepun, 85, 86
Jerangkap samar, 85
Johor
Majidee, Labis, Johor Bahru, 84

K

- Kalimantan, 84, 87
Kampung Ketereh, 82
Komunis, 1, 84, 85, 86, 88, 89
Koperal, 83, 85, 88, 89
Kuala Krai, 1, 82, 88
Kuala Lumpur, 86

L

- Labis, 88
Latihan, 87
Leftenan Heodious, 89
Leftenan Suntikno, 88

M

- Majidee, 84, 88
Malaya, 83, 84, 86
Malaysia, 84, 86, 87, 90
Miri, 84

N

- Nagasaki, 86

P

- Padang Kelab Selangor, 86

Pahang, 83, 86
Pangkat, 89
PAS, 87
Pegawai, 88, 89
Pegawai Waran *Dua*, 88, 89
Pengkalan Chepa, 88
Penjajahan, 1, 84
Perajurit, 1, 90
Periuk api, 85
Pesuruhjaya Tinggi, 86
Port Dickson, 83
Presiden Lumumba, 83

R

Radar, 84
Rashid Maidin, 84
Rosli Dhobi, 86

S

Sarawak, 84, 87, 88
Sarjan, 88, 89
Seremban, 87, 88

T

Taiping, 82
Tapah, 83, 84, 89
Tentera Wataniah, 88
Tok Janggut, 86
Tunku Abdul Rahman, 83, 84, 86, 87

U

UMNO, 86, 87

W

Was sangka, 85

Z

Zaire, 83

Zaman, 1, 87, 90

SURAT PENJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Pada.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbunya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyalidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh).
Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengisah (Tokoh)

r. Hj. Ghazali Bin Osman,
-tua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.



Tarikh : 29 Mac 2014
No. Fail : 100-KK(HEA 30/7/2)

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

| <u>BIL</u> | <u>NAMA</u> | <u>NO. UiTM</u> |
|------------|---------------------------|-----------------|
| 1. | ZATI SYAZWANI SHAHARUDDIN | 2012132909 |
| 2. | NOOR AFIZAH BT MUHAMAD | 2012769031 |

Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari **IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (KEPUJIAN)**, Bahagian 5 yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan matapelajaran yang mereka ikuti iaitu **ORAL HISTORY DOCUMENTATION (IMR 604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahiaskan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi **ZATI SYAZWANI SHAHARUDDIN** di talian 0134706627.
3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Sekian terima kasih.

Yang benar

IMRAÑ BIN MOHAMED @ ISMAIL
Penolong Pendaftar Hal Ehwal Akademik
b/p : TIMBALAN REKTOR AKADEMIK